

## LAMPIRAN A

### TRANSKRIP TEMU BUAL TOKOH

Nama : **Datin Norhana Ng Abdullah**  
Jawatan : Pengerusi Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) dan  
Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu  
Tarikh : 12 Mac 2012 (11.00 pagi)  
Tempat : Pejabat Darul Fitrah, Bukit Besar, Kuala Terengganu.

#### **Saya nak tanya peranan Datin sebagai Pengerusi MACMA dan Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dalam dua-dua pertubuhan ini**

Sebagai pengerusi tugas saya untuk merancang program-program untuk membantu saudara-saudara kita dan ahli-ahli Persatuan Darul Fitrah. Saya telah menjadi pengerusi MACMA selama 14-15 tahun 10 tahun di Persatuan Darul Fitrah (PDF). Bila saya mula-mula tubuhkan PDF, kita cadangkan untuk ada kelas pada saudara baru saje tapi ... saya tak sedarlah bahawa ramai orang yang asal agama Islam pun perlukan ilmu dan berminat ilmu agama so dengan tidak sengaja kita rancang untuk orang yang ada ilmu Islam sebab orang mualaf ni ilmu dia yang ada tak sampai tahap tuu, mereka tak boleh ikut kelas dan mereka tak suka campur dengan orang bukan mualaf sebab ada soalan mereka nak tanya mereka malu dan mereka tak selesa masuk kelas yang ada bercampur-campur ..sebab itu kita rancang kemudian nak tubuhkan kelas khas untuk saudara baru ada dah kat PERKIM dan kita tak nak *duplicatelah* sebab itu kita *concentrate* saje untuk kelas untuk umumlah.

#### **Bagaimana Datin melihat fenomena pemelukan agama Islam di negeri Terengganu.**

Alhamdulillah saya ingat jika nak bandingkan dengan negeri lain atmosfera keislaman lagi, lagi terasalah dekat negeri Terengganu *compared to* Selangor ke, Wilayah ke ..memang kita tak rasa keislaman sebab no satu dari segi pakaian kita tak nampak orang pakai seluar jeans yang ketat-ketat, baju yang ketat-ketat, ini komuniti yang kecil walaupun ada tapi orang mudalah, remajalah yang pakai skirt pendek dengan jeans tapi kebanyakan mereka semua jaga pakaian dan *no. two* sebab suasana di sini orang ramai sibuk hadir kelas. Di sana (Selangor) orang sibuk dengan keduniaan, sebab ramai sibuk kerja balik lewat, jiran pun tak kenal, lewat-lewatkan solat ... tak tau ada solat lima waktu tak taulah tetapi bila saya boleh Nampak bila saya kerja dengan Kuala Lumpur kita dilatih untuk solat lima kali waktu so bila kita solat orang yang tak biasa solat 5 kali pun rasa malu pun ikut-ikut jugak so bila kita orang beritahu bahawa mereka baru *start* nak solat memang dari tak solatlah barangkali 5 kali sehari kan.. so kebiasaan saja orang tak solat lima kali.

## **Bagaimana peranan MACMA Terengganu dan juga Darul Fitrah Terengganu.**

MACMA, kita tumpu kepada kebajikan saudara baru Cina, dari segi budaya .. pastikan budaya Cina berterusan. Tak de masalah kalau dia orang tuu masuk Islam nak ikut budaya dia .. budaya dengan Islam lain.. tapi orang Cina dia bangga dengan budaya so dia nak pastikan bahawa dia tak kehilangan budaya dia sebab selagi tak bercanggah dengan Islam tak ada masalah hanya ada orang keliru skitlah ..banyak mende yang kita tak boleh buat mereka risaulah kalau bercanggah dengan Islam tetapi kita tak ade terlibat dengan menyembahkan tuhan mereka (Buddha) tapi sampai hari ini ada orang keliru lagi. Antaranya Tahun Baru Cina, *moonlight*, tanglung-tanglung tuu sebenarnya tak de mende. Kalau Ching Ming tu ada ugama sikit sebab kita pergi kubur sebab tu ada letak makanan-makanan, semayang dekat kubur tuu.. tak boleh laa. tapi kita boleh ikut sama-sama untuk menghormati saja.. tapi sembah-sembah kita tak buatlah, macam bakar duit kertas semua kan itu tak lah . bersih kubur saja lah.. penting kita libatkan dengan aktiviti dengan keluarga kita sebab cara-cara dakwah itu je. Tahun Baru Cina saya balik , Ching Ming saya balik lagi, camne pun saya balik.. saya pergi kubur..saya tak buat lah sembah-sembah tuu... kalau kita tak tunjukkan diri lagi dia orang tak boleh terima Islam ...sebagai dakwah kita kena bersama.

Peranan PDF lebih kurang sama dengan MACMA tapi ia terbuka kepada orang beragama asal Islam sebab ramai orang masyarakat ini mereka walaupun dah lama Islam tapi mereka baru sedar kepentingan belajar dapat ilmu *so* setakat ini Alhamdulillah la nampak kelas kita makin bertambah. Selain daripada ceramah kita ada meraikan hari kebesaran Islam macam bergotong royong buat bubur syura, semayang terawih, berbuka puasa, semayang terawih bersama-sama, meraikan Maulud..

### **Faktor-faktor Saudara Baru Cina itu masuk Islam**

Kebanyakan mereka berkahwin, ada yang tertarik dengan budaya Islam yang lembut ikut pergaulan dengan orang Muslim .. ada jugak lah..ada yang dari mimpi..ada dari azan ... seorang muallaf kita dia dengar azan, pasal dia dengar azan dia tertarik.

### **Apakah masalah yang dihadapi apabila dia masuk Islam**

Masalahnya.. dengan keluargalah..masalah dengan keluarga asal ...yang mula-mula memeluk Islam biasalah ada masalah dengan keluarga sebab keluarga tak boleh terima. Ada banyak sebabnya makanan terkawal dia tak boleh makan sama-sama makanan yang tidak halal, pakaian pun yang ketiga nama pun kena tukar so ini kehilangan keturunan dia.. so pening jugak. Sebab tuu bila mereka boleh balik dan terang kepada keluarga bahawa kita boleh makan sama-sama, hanya makanan itu halal itu je...so kita boleh bawak makanan halal balik rumah atau kita masak ...kalau kita nak guna kualiti asing kita belilah kualiti lepas tu tinggal sana..bila kita pergi balik kita guna kualiti itu...tiada masalah. Makanan adalah satu aktiviti yang penting dalam masyarakat Cina. Setakat nii ok sebab dulu dengar cite banyak lagi la ada cite putus hubungan sekarang keterangan tentang Islam, mereka telah buka hati, mereka telah buka minda dan ramai

mualaf boleh balik rumah dan bersama dengan keluarga mereka ... macam Yuslina tu 2 bulan.. sekarang nii ok la kalau dulu ambek masa yang lama.

Memang hubungan dengan keluarga asal penting, mereka kena berhubung agar mereka tak berasa kesunyian dan sebagai dakwah sebab rasa sayang ada lagi tau walaupun agama lain so dia kena ada kasih sayang dari keluarga asal dia. *Number two is* dakwahlah... dia tak boleh putus hubungan dengan keluarga sebab nak dakwah kepada mereka tak boleh, dia kena rapat lagi, dia kena cinta kena tunjuk contoh yang baik itu yang penting...lepas tu senang2 la nak dakwah.. Senang kalau ibu bapa masuk Islam, dia akan buka hati skit kalau tak de dia takut tau macam Nurul la dia masuk Islam pun dia takutkan.

Masalah juga ada dengan masyarakat Melayu... *especially* orang Melayu yang tak faham dengan agama, dia anggap mualaf sebagai *second class* maknanya mualaf ni macam sangka buruk... niat mualaf tu nak dapat kesenangan, nak dapat duit zakat, nak kahwin dengan niat tak baik. so itulah buruk sangka sebab itu bila dia tak layan mualaf dengan elok.

Selepas masuk Islam, bimbingan penting sangat kalau suami dia atau isteri dia tak bimbing dia (Saudara Baru) mereka akan ambek masa yang lebih panjanglah untuk belajar... so kita kena pergi rumah dia tiap-tiap minggu ajar dia ...mende macam ni dia tak ambil berat.. so kalau isteri atau suami tak ambek berat masalah lah... ambek masa ...sebab kita dari luar kita berapa kali boleh ajar padahal dia tiap-tiap hari boleh jumpa boleh ajar dia.. tapi kalau dia tak ambil berat ...timbul masalahnya. Sedihnya ramai yang masuk Islam berkahwin dan bila ia memeluk Islam dan berkahwin dengan suami yang tidak bertanggungjawab dia menghadapi banyak masalah kewangan dan apabila keluarga bukan Muslim nampak memang dia kecewa dan mereka membuat anggapan itu merupakan adalah agama yang masalah ..jadi seorang Muslim lagi susah

### **Apakah program yang dilakukan oleh MACMA dan PDF untuk menjalinkan hubungan dalam kalangan Saudara Baru Cina.**

Kita buat dialog agama..emmm itu kita bincang tentang macam mana agama kita mendidik anak kita dari segi aspek masing-masinglah. Orang Muslim didik anak kita, wakil dari Buddha didik anak.

### **Sejauh mana masyarakat luar bagi bantuan kepada Saudara Baru.**

Saya nampak ada kekurangan, yang bantu pun persatuan dan MAIDAM, orang kita tak berapa prihatin kepada orang mualaf sebab itu yang sedih mereka tak dapat bantuan yang patut dari segi sosial ke, moral ke, kewangan. Sebab itu kita tubuhkan skuad mubaligh untuk pantau saudara kita sebab pejabat agama dan MAIDAM pun dari segi fizikal saja dia bantu...dari segi ilmu dan dari segi kewangan tapi dari segi kasih sayang, dari segi emosi semua, psikologi, memang sedih la ada kekurangan.

## **Bagaimana MACMA dan PDF melibatkan masyarakat Cina di Terengganu dalam aktiviti.**

Eee setakat ni kita dah mula dengan dialog dengan persatuan Buddha Terengganu, persatuan gereja-gereja ...kita akan buat banyak program lagi la dengan dan kita buat Tahun Baru Cina kita jemput bukan Muslim jugak melalui persatuan mereka. Kita rancang nak bawak mereka program masak syura, kita terangkan apa itu, program lawatan kita lawatan kepada persatuan Buddha sebab kita dah buat kawan *first thing* kita buat *kawan from new year function dan for the next one from the our visit*.

Dari dulu..mualaf yang *involved* ada mualaf yang belajar kat MAIDAM .. sekarang kita nak cari mualaf yang ada masalah yang tak boleh pergi ke MAIDAM yang tak terlibat dengan kelas-kelas yang dia buat *so* dengan usaha kita dapat ramai yang perlu dekat dengan kita supaya mereka boleh rasa tidak terpinggir. Dengan ni kita boleh ajak ramai lagi terlibat dengan program kita.

Orang Melayu, hanya orang ahli kita sahajala ... yang tak terlibat dengan kelas kita pun tak berapa peduli...ajak pun dia tak nak mari. *Approach..* kita buat kawan..kita tak boleh *lecture* tentang agama *on the spot* ... kita kena tunjuk contoh yang baik *let* dia (Cina Muslim) buka minda tentang Islam... biar dia cari sendiri

## **Bagaimana nak jalinkan hubungan yang baik antara masyarakat Cina Muslim dengan masyarakat Melayu.**

Kita kena *educated the Malays* dan tanggungjawab mereka untuk prihatin kepada mualaf sebab mereka seperti bertanya khabar, itu pun kalau orang itu pergi kelas mengaji ustaz tu pun tak tanya apa khabar ada sihat tak... ustaz ajar dia ok satu, satu ngaji balik ada satu kes dia bunuh diri ..ataupun pergi kelas MAIDAM mengaji .. ada masalah tak de orang peduli .. dia bunuh dirila dia makan 60 biji penadol pastu sempatlah hantar dia hospital dan sampai hospital dia nak terjun tingkat ... mengapa berkahwin dengan keluarga Melayu...keluarga Melayu bagi dia masalah ... so dia rasa stres...

Pentingnya masyarakat ambil berat supaya dia tidak murtad... kalau ia berasingan.. keluarga mereka sendiri ..macam ada masalah berpisah dengan suami... dia akan murtad sebab masyarakat tak akan peduli...masalah dengan suami/isteri orang Melayu... *so* keluarga asal tak terima mereka...*so* dia tak ada jalan keluar...kena ada orang yang bimbing dia, pantau dia.. bantu dia..*so* kita nak bantu mereka supaya tak murtad.

## Maklumat Tokoh Temu bual

Nama : **Ustaz Mohd Sufri bin Jaafar**  
Jawatan : Pegawai Eksekutif PERKIM Terengganu  
Tarikh : 12 April 2012 (10.30 pagi)  
Tempat : Pejabat PERKIM Terengganu, Jalan Bukit Kecil, Kuala Terengganu.

### **Saya nak tanya peranan Ustaz di PERKIM dan sejarah PERKIM Terengganu.**

Saya kalau kira sebagai pegawai kerja PERKIM Terengganu lah, paling besar pengerusi tetapi dari segi kerja atau eksekutif, pengurusan tu insya-Allah sayalah. Lebih kurang gitulah. Penubuhan PERKIM ialah pada 14 Mac 1975, dia ni pada asal dia ditubuhkan atas permintaan Tengku Abdul Rahman... tengku tu kita panggil bapa PERKIM, bapa merdeka pun dialah, dia mintak dari kepimpinan kerajaan negeri masa tu wujudkan PERKIM di seme negeri. Kalau ikut penubuhan PERKIM, PERKIM nii... dia tu memang untuk saudara baru. Kor business dia tu Saudara Baru..lepas tu dari segi apa yang dilakukan tu, errr satu dari segi dakwah... urusan pengislaman.. semua skali, pastu dari segi bimbingan, buat kelas, buat kursus atau program lain yang membawa peningkatan cara hidup Islam, yang ketiganya berkaitan dengan kebajikan tu kita membantu bukan dari segi material saje... mungkin dari segi sokongan.. dari segi bantuan kaunseling, khidmat nasihat atau urusan rumah tangga... hal mahkamah ke... cerai.. kahwin ..seme sekali tu memang keje kitalah... juga yang warga asing tu... dari segi soal visa... soal pas perjalanan semua skali, pembelajaran ...luas banyak..apa nii dari segi lain-lain kebajikan tu banyak lagi dari segi ziarah... bantuan segera.

### **Bagaimana fenomena pemelukan agama Islam di negeri Terengganu.**

Saya rasa tengok secara umum meningkatlah, jumlah pengislaman tu seme skali bertambah setahun ke setahun, ehm cuma apa nii kita ni kita ada kala rekod tu kurang skitla sebab pihak yang mengendalikan pengislaman sekarang ni bukan pihak PERKIM saje. Sekarang nii... MAIDAM sendiri pung buat...pihak Darul Fitrah. Data pengislaman sepenuhnya berada di pejabat agama sebab semua pengislaman sepenuhnya kena ada pendaftaran di pejabat agama maknanya di selaraskan di sanalah.

### **Apakah faktor mendorong komuniti Cina memeluk agama Islam.**

Biasanya kalau masyarakat Cina ni.. faktor yang dok boleh nak elakkan ialah dari segi faktor perkahwinan, paling ramai lah nii... yang keduanya faktor memang hidayah betul tapi kalau tengok banyak kes seme skali yang betul-betul buat kajian, yang betul -betul memang hidayah ialah kaum Cina jugak. Sebab tengok hasil seme skali, pendakwah yang ade majoriti ramai dari kaum Cina ...emmm sebab mungkin dia ni satu ... dari segi ekonomi ni dia orang ni dah kukuh ... yang perkahwinan tu ada jugoklah...

### **Kemudian tentang masalah apabila dia masuk Islam**

Masalah pelbagai... tapi .. dia tengok fasa dia... kalau mula-mula dia masuk Islam ni dia banyak masalah dari segi hubungan dengan kekeluargaan ... hubungan dengan keluarga asal mereka sebab keluarga asal ni apa ni yelah eeee persepsi dia... dia ingat masuk Islam ni tinggal semuanya ... tinggal keluarga dia, semua skali tapi kalau yang terbuka

tuu selepas dia ade masalah kita pegi jupe mak dia balik, keluarga dia Alhamdulillah .. ramai dia boleh pulih balik... dia salah faham jee sebab dia setengahnya bukan kuat sangat pegangan agama asal dia pun tapii sebab dia runsing sebab masuk Islam nii kena macam masuk Melayulah, kena tukar nama, kena bin Abdullah, nama Cina dia hilanglah ... takut. Keduanya dari segi pekerjaanlah, mula-mula masuk ni... orang Cina niaga ke, bekerja dengan keluarga ke, memang banyak kes-kes hilang punca pendapatan, pekerjaan ... kalau yang niaga tuu.. macam jaringan niaga dari bangsa asal dia dok...tiba-tiba dia masuk Islam.. bila persepsi salah... jadi macam mende ni kawan-kawan dia tu putus hubungan perniagaan dengan dia ... supply barang pun tok bagi seme skali ... kalau nak supply pun nak make up tinggi seme skali... banyok halangan dia.. pastu merudum... jatuh niage..padahal dari segi Islam.. ok perniagaan makin kuat sebab kita ada asas yang kukuh dari segi Islam tuu... sumber pendapatan 9/10 dari niage .. gitu dok.. tengok dari sudut tuu. Pastu... apabila berkahwin ..ia banyaklah dari segi perkahwinanlah masalah dalaman keluarga, budaya seme sekali lepas tuu ye lah banyak saudara baru nii jadi isteri kedua kalau perempuan ... perkahwinan kedua nii jarang berlaku di tempat kita nii..ia banyok berlaku di luar.. adakala pernikahan bermasalah dari segi sah tak sah ... dan hari ni pun kita terpaksa pergi mahkamah, anak dah besar-besar dah kesnya perkahwinan satu tu tak menggunakan juru nikah yang sah, yang diiktiraf semua skali, kahwin sendikit semua skali, yang jadi mangsa .. isteri dan anak..

### **Bagaimana Hubungan Saudara Baru Cina dengan masyarakat Melayu.**

Boleh kata ada jugak masalah ... orang Melayu ni ada kalanya dalam keadaan tertentu dia terlampau pandang tinggi kepada saudara baru... pakat nak bantu mula-mula masuk...eeem bila ada masalah sikit pakat nak tinggal ... hok ni nak ambik anak angkat, ...eee ghairah sangat... banyok.. buat majlis inilah, lepas tu dari segi bimbingan tak dok .. orang Melayu ni tengok saudara baru Cina insan istimewalah tapi dari sudut lain tuu dia dok fikir dia punya cabaran saudara baru nii...apabila ada masalah dia lepas ...dia ingat saudara baru same macam kite jugok ...ooo dok mayang... maroh lalu dok mayang .. pastu dengan memende-mende hok pelik dok suroh buat sekaligus, suruh mayang, puasa, sunat... buat sekali gus ... member 'baru' nok letok degung lalu.. reboh ahh (ketawa)...member pung lari. Saudara baru ni dia banyok kepada ikutan... kalau kata 50/50 boleh jugok lah pasal ape..ade setengah-setengah tu ok dari segi penghayatan dia khususnya yang duduk dalam keluarga yang ok semua skali, dalam masyarakat yang ok.. pastu belajar dok tinggal tapi setengah-setengah tu mungkin teruk skit mungkin faktor keluarga jugak.. suami dok bimbing, isteri nak kontrol suami , suami tak ubah cara hidup ke ...mende-mende macam tuu lah tapi majoriti saudara baru ni orang dewasa doh masuk Islam dok ..jadi dia belajar nak mengaji payoh sikit ... jadi kalau payoh dia tinggal.. jadi dia banyak buat ikutan .. semayang-semayang ikut, puasa-puasa ikut ... tapi penghayatan dalaman puasa tu tak taulah

### **Hubungan Dengan Keluarga Asal**

Dia fasal kedua (hubungan dengan keluarga), lepas kita bagi faham dia oklah... tapi biasanye kita sedap cakap skit 2-3 tahun pertama tuu dia problemlah.. dia banyak kes gitu 3 tahun pertama. Tapi selepas daripada tu ok... dah pulih balik , boleh berhubung balik seme skali... memang banyok macam tuu. Maknanya ada dua peringkat. Dia biasa ending jadi tenang... jarang sangatlah dok gitu.. sebab bila anak kahwin , dapat cucu ..hubungan pulih Contoh pak Ayob kedai tukang, Aisyah isteri dia tuu Cina Muslim

...memang setahun pertama memang masalah ngen mak dia., mak dia dok terima dan sebagainya... le ni mak dia boleh mari ... masa kahwin dengan pak Ayob tu pun ...walaupun mak tua lebih tua dari pak Ayob. Biasanya, kalau Cina kahwin ngen Melayu... dia ikut banyak budaya Melayu ...sebab itu orang Cina nok maroh skit dari segi ...orang Cina masuk Islam maknanya masuk Melayu. Macam dia buang budaya dia ... tapi banyak doh kita buat perkahwinan silang budaya seme... kita ikut buatlah macam budaya dia tapi jangan bercanggah dengan Islamlah dari segi pakaian gape seme skali... ..dia sebenar Cina Terengganu tak dok masalah... Cina Terengganu banyak mane sangat..Cina Terengganu kalau awak biase pergi sebelah Tirok, Serada, Kemas...memang Cina tuu, Cina Melayu ..Dok masuk Islam pun memang ikut budaya Melayu doh, cuma agame je Buddha ooo gitu ... ramai pindah ke bandar.. nikah dengan orang Cina ... hok masuk Islam pun ramai ... tapi hok ada situ pun masih mengamalkan cara hidup Melayu ... guna bomoh Melayu, seme skali.

### **Sejauh mana masyarakat luar bagi bantuan**

Memang kita dok nafilah pihak-pihak luar bagi bantuan sama ada secara individu atau agensi atau organisasi termasuklah kerajaan dan swasta bagi bantuan dari segi zakatlah atau dari segi apa yang kalau kita mintak kena caranya insya-Allah dia orang bagi khususnya untuk bantuan program dan kebajikan . Sebab kita hidup pun dengan sumber tu lah, kita minta dari segi barangan, seme gapo sekali . Lepas tu dari sudut lainnya, bantuan dari segi untuk memudahkan dakwah saudara baru pun banyak Cuma adakala kita kena perbetulkan ... macam tadi budaya terlalu ghairah ... sapai orang gi masjid buat seme buat pengimunan masa lepas semayang Jumaat seme skali , kutip derma memang banyak bulih seme skali, memang betul tapi ada kalanya disalahgunakan .. tu kita memang ada hubunganlah dengan pihak masyarakat luar seme skali

Sebab kita dok boleh saudara baru... sebab dia ni golongan baru ..jadi mungkin dia masuk Islam pun satu dia dengan suasana yang baru dgn agama yang baru, cara hidup mungkin berubah, persekitaran, hubungan dia dengan masyarakat asal, kawan-kawan hilang ... setengah-setengah masyarakat yang prihatin ambik dia sebagai keluarga angkat, anak angkat ... ada setengahnya bukan dari segi angkat dudok rumah ada setengah dok kat lain... tapi pantau dia, telefon hari-hari, hujung minggu ajok gi rumah.. tapi setengah tuu dok rumah.. kita dok nafi ramai hok jadi..

Biasanya... masa pengislaman keluarga angkat doh main peranan, dia bawak saudara baru sebelum Islam dia bawok ke PERKIM, ke MAIDAM ke Pejabat Agama .. nak masuk Islam. Jadi secara tak langsung macam tuu

Atau tauke2 yang berbangsa Melayu bawa bantu masuk Islam, banyak mende tuu. Kita sendiri banyak saudara baru yang telah Berjaya yang memainkan peranan bantu PERKIM maksudnya golongan-golongan ini ada kekuatan dari segi kewangan lepas tuu dia bantu jadi sukarelawan kita, bantu jadi telinga kita la, dia contact ke, dia turut sama turun program ... macam Ridzuan siap set up buat usrah di Bukit Bayas untuk saudara baru, panggil ustaz ngajor.. yang ada kesedaran dari dia sendiri

## **Hubungan dengan masyarakat asal**

Pada peringkat awal banyak dok boleh menerima pengislaman dia .. hubungan memang teganglah tapi selepas beberapa tahun lepas tu dah dapat maklumat yang lebih jelas lepas tu tengok anak dia masuk Islam dok berubah mane cuma mungkin berubah dari segi pakaian dari segi hubungan dia masih Cina, ada inisiatif buat baik dengan keluarga tu..tak dok masalahlah ... Dalam konteks negeri Terengganu tak masalah sangat...sebab budaya hidup kita macam tu..dok nampak kalau Cina sangat... sebab mereka terpaksa berhubung dengan masyarakat Melayu. Lepas tu dia pulok sekarang nii, banyak doh ... mungkin dari segi bacaan, Internet nya Nampak agak mudah. Ada kes Cina sendiri bawok geng dia nak masuk Islam , dia pun mari hantar sini ...

## **Bagaimana melibatkan masyarakat Cina Muslim dengan perkongsian aktiviti**

Biasanya kita libatkan sambutan perayaanlah..macam kenduri, sambutan korban kita buat sini. Kita panggil masyarakat Islam biasa 'asal' yang bertindak sebagai sukarelawan kita yang mengurus dari segi sembelih, gotong royong seme sekali... masa tu interaksi. Macam program lain, masak Asyura, Maulud... mende-mende yang berkaitan dengan perayaanlah yang lebihlah . Mula dia cenggung mari dok tau nak wak mende tapi lama-lama dia ok lah ... sebab masyarakat sebenarnya bukan semuanya boleh mendekati saudara baru ada setengah tu excited nak berdampingan dengan saudara baru. emmm termasuk jugak pelajar-pelajar, pelajar imtiaz berapa kali nak join untuk kumpul dengan saudara baru dari segi nak bergaul .. mungkin nak berkongsi ilmu. Kita akan kontrol.. takut dia segan serba tak kena ... takut cari salah aku ke.. semayang tak kena atau sebagainya

## **Kalau program-program kebudayaan asal camne**

Ada kita buat.. tapi dok banyak mane, macam sambutan Tahun Baru Cina, mane-mane yang kita boleh buat maksudnya yang tidak bercanggah dengan Islamlah yang tu kita boleh buat. Kerana setengah sambutan berkaitan dengan budaya tidak berkaitan dengan agama sangat. Ramai orang Cina sendiri pening, hok mana budaya , hok mana agama... banyak orang dok faham, orang Islam sendiri, ustaz-ustaz jatuhkan hukum haram ...padahal mende tu berkaitan budaya bukan agama macam tanglung. Jadi mende gitu payoh nak tarik orang-orang Cina. Kita jarang melibatkan besaran, kalau terlibat pun dalam kalangan yang terdekat sebab kalau kita buka ramai-ramai pun takut dok sesuai. Kita bimbang jugak sebab masyarakat Islam asal pun banyak kategori jugak, ramai yang suka jatuh hukum... degar gitu... kita dalam berdakwah ni memang bertoleransi banyak.. jadi kena banyak sederhana ... dok leh tegur degung lalu..dok pakai tudung gapo-gapo.. ni kena tegur slow-slow, pakai seksi skit pun dokleh sebab mende sensitif ... saya ingat ada kes nama Yusrina... mula masuk Islam cabaran cukup kuat... dia tudung memang dok leh pakai sebab dia dudok umah mok dia gi... sapa satu tahap mok dia syok, pelik sampai tidur sebelah dia ... nok wak gane.. nok semayang pung dok leh ... tak dok care doh nak wak guane nok semayang pun dok leh ... kalau zohor ngen asor dia mari semayang kat PERKIM lepas kalau maghrib nok mayang gane... kate ustaz: awok wak lah guane-guane ... isyarat pun isyaratlah sementara ... sebab tak dok pilihan... mok dia kontrol dia. Bagi orang mengalami payoh..uh.apalagi mende yang baru . Dia ak buat lebih2 dia tak tau takut menyalahi agama ..bukang mendalami lagi pun



## **Halangan masyarakat Cina Dalam Melibatkan Aktiviti dgn masyarakat Melayu**

Kita kat sini tak dok halangan mana cuma persepsi masyarakat Melayu dan sebahagian yang rasa rendah diri jadi dia bimbang untuk bergaul dengan masyarakat itu takut orang kata ...tak kena. Dengan sebab itu kita tidak melibatkan ramai orang-orang Melayu, kita cuma libatkan sukarelawan .. kita buat secara berperingkat... step-step macam tuu baru kita bawok dalam masyarakat ... dok leh wak debok gitu

## Maklumat Tokoh Temu bual

Nama : **Ustaz Abdul Halim Lim Abdul Rahman**  
Jawatan : Pengetua Kompleks Darul Hidayah  
Tarikh : 26 Mac 2006 (9.00 pagi)  
Tempat : Pejabat Agama MAIDAM, Kuala Terengganu, Bukit Besar.

### **Bagaimana Peranan ustaz sebagai pengetua di Kompleks Darul Hidayah.**

Untuk makluman Darul Hidayah tu diletakkan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) dan MAIDAM merupakan jabatan yang dipertanggungjawabkan terus dalam segala urusan berhubung dengan saudara baru di seluruh negeri Terengganu, jadi dari A sampai ke Z lah ia bertanggungjawab. Cumanya kita ada kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu (JHEAT), antara bentuk kerjasamanya, pendaftaran kita bagi JHEAT dan juga pejabat agama daerah dan kalau ada program-program kita akan salurkan ke pejabat agama daerah untuk dia tolong dapatkan peserta. Saya pengetua Kompleks Darul Hidayah, dalam erti kata mudahnya apa-apa masalah yang merujuk saya

### **Bagaimana fenomena pemeluk agama Islam di Negeri Terengganu**

Dia setiap tahun memperlihatkan ada peningkatan, tetapi banyak melibatkan warga Negara asing adapun yang melibatkan warga tempatan tidak berapa menggalakkan. Kalau dari segi warga negara Malaysia, masyarakat Cina lah yang paling ramai.

### **Saya nak tanya tentang komuniti Cina, pertamanya faktor-faktor masyarakat Cina Terengganu masuk Islam**

Dia faktor-faktor ni pelbagai dan fleksibel, dia bergantung kepada individu yang tertentu dia tidak satu faktor tu lah banyak faktor lah ada, ada yang kerana nak berkahwin ada kerana apa nama ni banyak kita boleh reka sendiri tak ada masalah sebab bende ni fleksibel dan dia sama ada kerana kahwin, ada kerana gini.... dan sebagainya

### **Apakah masalah yang sering berlaku**

Ada individu yang tidak menghadapi apa-apa masalah yang keluarganya boleh terima tetapi majoriti tidak boleh terima akan mengakibatkan masalah-masalah sosial, masalah utama lah maksud saya ni tidak ada pekerjaan dan seumpamanya. Cuma satu, satu perkembangan yang kita boleh lihat di negeri Terengganu majoriti yang masuk Islam di negeri Terengganu ini merupakan golongan-golongan bukan profesional yang tidak ada pekerjaan dan seumpamanya yang kelulusan akademiknya rendah yang tidak ada kemahiran yang menimbulkan sedikit masalah kepada pentadbiran kita...eee begitu. Sosio ekonomi mereka sebagaimana yang saya sebut tadi, kalau yang telah bekerja, tidak ada masalah kebanyakannya dhoiflah kita letak kecuali beberapa kerak yang terdiri dari golongan profesional seperti guru. Jadi mende ni apa yang kita hadapi hasil statistik

kita majoritinya masuk Islam akademiknya kurang, berkemahiran pun tidak .. memerlukan kepada bantuan.

Dia begini prosedur *once* dia masuk Islam di negeri Terengganu, selepas melafazkan syahadah kita akan bagi eeee cenderahati berupa alatan ibadah kepada dia dan juga wang tunai RM 100 je kita bagi. Kain ibadah tu bernilai 200 lepas tu kalau dia menuruti program kita, kelas yang kita anjurkan dia mampu memperoleh sehingga RM 240 sebulan ee tiada sebab untuk dia kata tidak diberi bantuan ee cuma lepas tu.. ee kita akan bagi sagu hati memeluk Islam bernilai RM 1000 dan dulu kita bagi, kita bagi selalu tetapi sekarang kita tak bagi begitu kita akan bagi selepas setahun eeer kalau dia tu kita panggil kursus dia hadir, dan dia telah mampu untuk melepasi beberapa tahap ujian kita tetapkan sebab kita tengok ramai yang telah masuk Islam walaupun 2 , 3 tahun Al-Fatihah tak boleh, tahiyat tak boleh dan sebagainya jadi kita merasa tidak berbaloi tidak wajar kita taburkan duit sebegitu Cuma dalam keadaan dia menghadapi masalah kewangan kita ada masalah segera yang kita boleh bagi, lepas tu kalau lebih dari kadar yang ditetapkan kita suruh dia isi boranglah dan kita akan bagi lah.

### **Hubungan masyarakat Cina Muslim dengan Masyarakat Melayu bagaimana ustaz**

Ia bergantung kepada keprihatinan dan kecaknaan masyarakat sekitar dan juga bergantung kepada diri Cina yang masuk Islam tadi kalau dia mampu membawa diri, dia mampu bergaul maka masyarakat sekitar tidak ada masalah, kalau dia membuat masalah maka masyarakat sekitar ada masalah atau sebaliknya kalau masyarakat sekitar terdiri dari kelompok yang tidak prihatin maka tidak prihatinlah mereka he he he, dia samalah bende ni. Kawan-kawan bukan Islamnya bergantunglah, kalau kawang yang bawak masuk Islam tu ok okla, tapi majoriti kita lihat tak ok yang bawak masuk Islam pun kita tengok tidak lulus bukan semua tapi majoriti. Tok leh wak contoh tak taulah (ketawa)

### **Penghayatan mereka dalam agama maknanya ... setakat mana**

Penghayatan.. sama ia bergantung kepada seseorang, kalau ia memeluk Islam kerana ikhlas dalam erti kata yang sebenar maka ia berusaha mendalami ilmu agama dia tanpa banyak bergantung kepada kita. Maksud saya kita ada kelas, kita ada kelas bimbingan saudara kita di setiap daerah, kita tidaklah mewajibkan mereka datang, kita banyak bagi tahu, u nak datang dating tapi tak nak dating u kena ambik satu sikap ambik belajar di mana-mana saja, Cuma kalau datang tu adalah elaun kehadiran aaaaaa begitu (ketawa) tapi yang paling penting dengan siapa dia berkawan dan dengan siapa tu dia tertarik nak masuk Islam kalau dengan individu betul tu tak dok masalah lah

Keilmuan kita ada kelas di setiap daerah dua kali seminggu dan terkini kita telah meluluskan untuk kita asingkan kalau dulu dalam kelas bimbingan itu ada fardu ain dan bimbingan al-Quran, sekarang kita asingkan fardu ain dua hari, al-Quran 2 hari . eeee selain daripada tu banyak kursuslah yang kita buat ee contoh yang terdekat kita buat kursus asas pemahaman Islam kepada yang baru memeluk Islam dan akan di susuli dengan program, kursus lawatan di luar Terengganu yang melibatkan yang telah lama

memeluk Islam dan banyaklah kita buat kursus-kursus, bengkel-bengkel atau seminar sama ada di peringkat negeri atau peringkat daerah.

### **Bagaimana Aktiviti MAIDAM yang melibatkan keluarga mereka yang bukan Muslim.**

Baru ini kita buat majlis Tautan Kasih sempurna sambutan Tahun Baru Cina, kita telah mampu menarik bersama 40 komuniti bukan Muslim yang terdiri daripada Presiden Persatuan Buddha negeri Terengganu, ketua gereja di Kuala Terengganu, kita buat di Primula. Jadi itu antara beberapa usaha awal nak merapatkan jurang dengan dia orang. Kita melihat program itu amat berjaya, daripada reaksi yang ditunjukkan oleh komuniti bukan Islam, mereka terujalah, sebab kalangan yang hadir dari kalangan saudara baru mereka berkomunikasi dengan bahasa mereka, kita memberi faham kepada mereka bahawa bangsa tetap bangsa walaupun agama berlainan. Mereka nampak fahamlah

### **Hubungan saudara baru dengan keluarga asal dia**

Ia ada berkaitan dengan penerimaan keluarga dia keupayaan saudara itu untuk nak mendekati keluarga dia. Kalau yang tidak ada masalah, tak dok masalah lah tapi kalau yang ada masalah bagaimana ia ada usaha nak pulihkan hubungan dengan keluarga dia.. bergantung kepada diri sendiri. Kalau dia tanya masalah dengan kita, kita akan cuba bagi jalan keluarlah, kita akan bagi nasihatlah.

Dia kalau kes keluarga tak terima kita tak banyak dapat bantu.. Bila ia ada masalah hubungan dengan keluarga maka ia terputus kewangan kita akan bagi bantuan. Err kalau dia mintak nasihat kita bagi nasihat.. tidaklah kita usaha bawak dia pergi jumpa keluarga dia sebab itu bukan skop tugas tiga setakat hari ini.

Ada yang masuk Islam tu, keluarga, tak marah, ada yang bertahun-tahun ada yang sampai sekarang ... ada yang sampai serang pejabat pun ada .. keluarga dia serang pejabat..nak caj dia masuk Islam tidak sah. Kita ikut saluran undang-undang macam ada satu kes keluarga dia serang pejabat, masuk Islam dia tidak sah kerana dia ada sakit mental dan sebagainya .. kita tak layanlah ... akhir-akhir sekarang tidak ada masalah doh... kita main tarik tali jelah kalau gitu (ketawa)

### **Peranan MAIDAM dalam melibatkan masyarakat Cina Muslim dalam aktiviti dengan masyarakat**

Peranan memang banyak lah. Eee contohnya yang paling mudah kita ambik bila kita buat program di kalangan fasilitator dan penceramah dari masyarakat Islam atau pun kita ada buat program-program asimilasi. Contoh yang terbaru yang buat tahun ni kita bawa saudara baru keluar ke kampung untuk berinteraksi dengan masyarakat kampung ..kita bawak dia ke kampung supaya dia tengok rumah orang kat kampung dan seumpamanya lah kalau masyarakat Cina, India agak kurang bermasalah kerana ia bergaul setiap hari dengan masyarakat Melayu

## **Kalau terlibat program, misalnya kalau terlibat program hari raya banyak terlibat dengan budaya Melayu jadi bagaimana penerimaan masyarakat Cina**

Kita beri pemahaman bahawa budaya yang elok itu tidak ada masalah contohnya bersalam-salaman tapi ada batasan dialah. Kita maklum dari segi pakaian, dari segi hiburan dan majoritinya tidak ada masalah. Termasuk dalam bab makanan.. Ada jugak dalam kalangan mereka berhadapan dengan bahasa, meskipun begitu tapi lama-kelamaan mereka mampulah... ambik masalah. Orang Melayu kat luar tuu tidak ada masalah terima kehadiran masyarakat Cina Muslim.. Contoh majlis berbuka puasa menjadi program tahunan kita melibatkan staf MAIDAM dengan komuniti saudara baru.

Kalau masyarakat sekitar, kita tidak jemput secara open, kita banyak melalui agensi dan jabatan kerajaan jadi setakat nii tidak ada masalah lah dan banyak program kerjasama yang kita buat seperti majlis korban kita buat kerjasama dengan biro agama jabatan penjara, skuad dia akan hantar 20 orang untuk bantu

## **Kemudian program kebudayaan asal mereka Bagaimana peranan MAIDAM supaya dia orang ni tak rasa lupa terus kepada budaya asal mereka**

Kita buat tahun baru Cina, tarian singa kemudian ada jugak program dia orang masak makanan dia masak bersama-sama. Ada jugak kita buat program-program besar kemudian kita hidangkan makanan tradisi Cina yang halal..

## **Saranan ustaz bagi nak jalinkan hubungan baik dengan masyarakat Cina-Melayu**

Maksudnya kita kena buat program bersamalah, setakat ni kita buat program bersama tapi tak secara terbuka kita buat antara jabatan dan kita akan cuba kita buat program dengan masyarakat kampung dan kita buat program dengan dia oranglah. Contohnya dalam takwim,kita buat nak buat program kebajikan di Kg Rahmat kita bawa kelompok saudara baru sebuah bas atau dua bas dan kita akan masuk kampung tu dan kita buat program gotong royong dan seumpamanya dan yang kedua mungkin kalau ada kampung yang sanggup kita buat program asimilasi... kita pergi ke kampung tuu.. kita ambik dua tiga jam dan kita buat programla

## **Peranan MAIDAM dalam nak rancak hubungan antara masyarakat Cina Muslim dan Melayu**

Ok dia gini untuk yang ni dia ada dua satu yang formal dan satu tidak formallah. Yang tidak formal ia akan berhubung *direct* dengan pejabat kita, apa-apa masalah ataupun kalau yang jauh ia akan berhubung terus dengan pegawai dakwah daerah ataupun yang kedua ia menghadiri kelas kita dia ada sentiasa untuk tanya masalah dan kita akan cuba bagi pandangan dan cuba bantu menyelesaikan masalah dan yang ketiga yang formalnya apabila kita ada kursus dan seumpamanya dan kita akan bagi ruang siapa-siapa yang ada masalah apa yang kita boleh kongsi bersama .. pendek kata ia bergantung kepada individu yang bermasalah setakat mana dia nak usaha nak selesaikannya nak menghubungi dan

untuk *share* dengan kita.. kalau dia nak *share* dengan kita bolehlah kita tolong-tolong kalau dia sorang je doklah maknanya (ketawa)

### **Keluarga angkat pulok camne?**

Ada yang ada... ada yang tak dok.. pengalaman mereka yang berjaya dua, tiga orang ni orang yang beragama, kalau keluarga angkat yang dok tahu agama sama je kalau dia dudok dalam rumah tuu kalau perempuan dengan dok pakai tudungnya, dengan sembahyang dok tau gi manne ... jadi tak dok mende le. Jadi kalau keluarga angkat itu ok, masyarakat sekitar ok, okla kalau dia jatuh kepada keluarga angkat tidak ok habislah... ada yang kita tengok keluarga angkat pun dok lulus.. dah nak ajar guane muaf ni dengan pakaian pun uhh

## Maklumat Tokoh Temu bual

Nama : **Wong Choon Kheng.**  
Jawatan : Presiden Persatuan Buddha Terengganu  
Tarikh : 23 Mac 2013 (11.30 pagi)  
Tempat : Kompleks Persatuan Buddha Terengganu

### **Latar belakang Persatuan Buddhist Terengganu**

Sejarah dia, dia *go back to 1956*. Sebelum kita ada *Terengganu Buddhist Association (TBA)*, kita ada *Terengganu Buddhist Youth*. Kita ni terbalik, kita *start* dengan pemuda dulu.. dia *independent*..Cuma masa kita buat aktiviti tuu TBA *become a parent body*. *Terengganu Buddhist Youth Circle got own body, own chairman ...when we operate, we operate under TBA. Our member we got more than 2000 members mostly Chinese around this area*. Selain di Kuala Terengganu, TBA ada di Jerneh, Dungun, Paka dan di Kemaman. But *they operate separately...* kalau bahagia Buddhist ni kita bahagian yang terbesar. Selain daripada itu ada persatuan Buddhist yang kecil seperti Persatuan Buddhist Vihara, Buddhist Nichiren, dia orang ada *monk* masing-masing la. Kalau sebut *Buddhism* ni dia cerita tentang the *Lord of Buddha but along the way it spread the different country like in China it have Mahayana Buddhism, in Japan it Mahayana tapi ia panggil Nichiren*. Di Terengganu pun ada di Marang, di Wakaf Tapai pun ada. Perbezaan utama dari segi ritual dia... *u see all this in Buddhism ritual* ada beza skit tetapi *at the end ia stick to this major principal. If there no 5 sila what ever Buddhist their not Buddhist. Because this is the precept*. Kalau di Terengganu ni Mahayana and Theravada ...Mahayana because dia orang dah biasa *culture* macam tuu *but Theravada when the Thailand monk come they influenced*

### **Asas-Asas Ajaran Buddhist Di Terengganu**

Ajaran kita ni ada tiga bahagian, kita digalakkan buat tiga perkara, nombor satu tu..kita disuruh jaga DANA. *Our dana is give to poor (sedekah) to the monk, parent not only service on money*, kita boleh sedekah *in term of mankind, welfare*.

*Second is our SILA* , maksudnya kita sebagai *lay Buddhist* dengan kita kena jaga lima perkara. *We have take care our self* (peraturan). *No 1, not to kill* (tidak mengambil nyawa) benda yang hiduplah *and is not to encourage* termasuk animal. In hirest hairaki kalau kita karma tu, cause and effect – yang paling teruk ialah membunuh ibu bapa kita ..dilarang sama sekali, no 2 monk atau pemimpin2 agama macam imam Muslim u cannot kill...dosa dia berat. This two kita dilarang sama sekali. Apabila disebut membunuh nii dia ada 3 process before you called killer, no 1 dalam minda kita, kita ada niat nak bunuh .. with anger ke what everla.. no 2 kita buat fizikalnya action untuk membunuh, no 3 orang yang kita nak bunuh tuu dia mati. Then that itu dihukum sebagai pembunuhan. *No 2 not to thief...even* kita pinjam barang kita tidak tanya..*that is not correct*. No 3 kita tidak digalakkan buat perkara *family immoral activities*. No 4, jangan

cakap bohong termasuk cakap bukan-bukan agar orang lain benci kepada kita..fitnah. Last sekali, kita tidak galak penganut Buddhist ambil barang-barang yang ada toksik seperti arak, *drug and whatever medical* yang merosakkan badan

*Bhavana is more spiritual- we encourage to develop our mind. Cara Buddhist we purify our mind is meditate. In meditate... benda-benda yang kita buat tuu biar let go.. U have to list what u want to do in the present moment* maknanya kita sedari benda sekarang. Benda yang kita fikir yang lepas atau *the future* kita kena buang. *Bhavana have to concentrate to present moment. How u do that u look ur breathing* (pernafasan). *So you relax* barulah *wisdom* datang

### **Apakah Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Persatuan Buddha Terengganu**

Di Terengganu ni kita ada pakej.. maksudnya sebelum *u are born until u* meninggal. Bila seseorang tu nak kahwin.. dia datang sini untuk kahwin *so we have registration* untuk kahwin dan ini diperakui oleh *government*la. *But they still got to go to government to check IC*, kahwin lari, kahwin kat lain. *We organized Buddhist ceremony ...orang baru ni kita suruh sami bagi blessing ..masa dia bagi blessing tu dia bagi la cara-cara nak menguruskan rumah tangga yang bahagia, what u need to do, what husband and wife need to do.* Apabila dia anak, selepas 3 atau 4 tahun *they send to our kindergarden..so* kita ada *classes* untuk *kindergarden*. *We pass also moral study la ..we have got Malay student here. After kindergarden* apabila dia masuk *primary school* kita ada *Dharma study group for Buddhist*. Apabila dia masuk *second primary school* dia joint *PTB* la. *Other we have camp, English camp, dharma camp.*

Selalu orang *confuse* *kuil Buddhisme and Taoisme*. *So they lumps all together*. Kita tak sembah Buddha tetapi hormat the moral og Buddha.. kita percaya kepada ajaran dia

### **Objektif persatuan Buddha Terengganu**

*There 4 objectives Persatuan Buddha Terengganu. The first is to propagate the darma. Second to acquaint members with the teachings of Lord Buddha, thirdly to promote education to foster racial harmony and the last, to have women, youth section and others section that suit to new age by carry out and provide healty and benefit the members and the public to participate.*

### **Cabaran Persatuan Buddhist di Terengganu.**

*The government of the day can t support . Kalau kita ada number 2000 above kita boleh minta land, place of worship without any hindrances, any problem but we found that is difficult ...yang ini kita punya sendiri ..we build without government any assistant...we look for the members contribution. Government lump everything under toaisme .. so kalau duit tu RM 50,000 kena bagi la dengan kuil Taoisme...dan yang baki RM 3000 baru dia bagi kepada kita. Most of Chinese in Terengganu are Taoisme whether they know or don't know. Because the concept of hormat orang tua...so they start with*



*ancestor worship...kita letak memorial tablet untuk orang mati dalam rumah dia ada elemen Taoisme la. Percaya penjaga atau dewa-dewa itu adalah unsur Taoisme la*

### **Perkembangan Islam di Terengganu, bagaimana reaksi Buddha**

*I very compatible because saya diperbesar di kampung, so when we will go to school those day our mall like Sultan Sulaiman School .. all my friend is Malay friend and we have Chinese friend...when talk agama is not our own mine accept...up to us.. so its is no issue.. I fell sad..*

*Pada Zaman Pemerintahan Pas Di Negeri Terengganu, although government not really touch Buddhist activities, we worried culture aspect for ultra Islamic.*

## Maklumat Tokoh Temu bual

Nama : **Stephen Chan Mung Koon**  
Jawatan : Pastor  
Tarikh : 20 Mac 2013 (2.30 petang)  
Tempat : St. Andrew's Church, No. 79-E, 1 st Floor, Jalan Tok Lam 20100  
Kuala Terengganu

### **Apakah Aktiviti Yang Biasa Dilakukan Oleh Persatuan Kristian Negeri Terengganu (PKT)?**

Biasanya kami adakan aktiviti pada hari Khamis, Jumaat dan Ahad dan Sabtu. Biasanya pada hari Jumaat kami ada sembahyang, waktu pagi atau waktu malam. Ada dua aktiviti pada hari khamis malam ...itu untuk sembahyanglah..lepas itu kami ada *Bible study*, ada *children ministry* ada *student ministry*. *Ministry mean to encourage them to read the Bible, to be a good person*, bagi yang sudah masuk Kristian. Selain itu kami ada gathering dalam different houses

### **Berapakah Bilangan Gereja di Negeri Terengganu**

Lebih kurang 10 di Kuala Terengganu, Terengganu tak taulah. Bagi Protestan kami hanya *worship Jesus* bagi *Katolik mereka worship Jesus and Marry*. Itu beza yang besarlah, yang lain sama saja. Dalam ritual mereka sangat konservatif.. mereka nyalakan lilin dan goyangkan itu colok dan pakaian mereka pun lain...pakai baju putih.. kalau Protestan moden sikit, mereka pakai tali leher

Kalau di Kuala Terengganu lebih kurang 800 ratus orang, kebanyakan daripada mereka adalah Chinese. Konversi dalam Kristian di Terengganu datangnya dari etnik Cina...namun begitu bagi orang Kristian ini susah sikit sebab Cina di Kuala Terengganu mereka semua sudah selesai dan tidak ada keperluan. Mereka sudah *satisfy* tentang keadaan mereka. Mereka ikut sajalah tradisional *worship* ...tak silap saya gereja yang pertama di sini sudah lebih 80 tahun tapi jemaah dia tidak lebih dari 100 orang... so sangat susah...jemaah mereka ada yang *convert* ada yang *born* Kristian. Di Terengganu hanya sebuah gereja yang ada bangunan sendiri yang lain sewa bangunan

### **Objektif Persatuan Kristian Terengganu**

Pertamanya untuk menjaga kebajikan orang yang memerlukan pertolongan, kedua kepada sesiapa yang ada minat kami akan terangkanlah tentang ajaran Kristian. *I said just know... Chinese here is very difficult...* mereka senang dan selesai.. dan bagi orang Cina , mereka takut ... kalau tukar agama..tuhan-tuhan yang mereka sembah akan balaslah...jadi kami pun buat kebajikanlah ..jadi kami tolong mereka.

## **Chinese di Pantai Barat macam mana?**

Di sana senang sikit sebab di sana ramai orang Cina yang miskin, mereka perlu bantuan dan pada masa itu Gereja pergi masuk dan berikan pertolongan dan kebajikan dan mereka nampak *love, sincerity of Church*....lama kelamaan mereka akan masuklah.

## **Bagaimana Proses Konversi Agama dijalankan**

Kalau seseorang itu berumur bawah 18 tahun, dia kena minta dapatkan tandatangan ibu bapa mereka tetapi kalau dah lebih 18 tahun tak perlu. Kalau nak lakukan baptis, sama ada di sungai atau dalam gereja dengan menggunakan wain yang diimport khas dari Australia. Pada waktu ini juga dia kena minta kebenaran dari penjaga.

## **Bagaimana Persepsi Masyarakat Kristian Terhadap Perkembangan Islam Di Terengganu**

Bagi pihak kami tidak ada apa-apa... kami hanya terima sahaja apa yang diberikan oleh pihak kerajaan. Bagi orang Kristian, agama adalah hal individual. *In Terengganu the law make me can t go out... even u can t put up* lambang salib..salib pun tak boleh tunjuk..kalau *signboard* ada salib kena turun in Terengganu dan juga kami juga tak boleh pakai gereja...ini di panggil *parish*. Tapi tak apa la.. tak ada orang lain tahu itu gereja...orang lain tahu juga

## **Reaksi Persatuan Kristian Terengganu (PKT) Terhadap Pemerintahan Terengganu Oleh Kerajaan PAS.**

*Something sensitive*...PKT lebih suka PAS, kerajaan BN nak bersaing dengan PAS dengan control Kristian. Sebagai contoh kerajaan PAS Kelantan membenarkan gantung Salib, bagi tanah untuk dirikan gereja dan bantuan kewangan kepada gereja. Pada tahun 2004-2008 sewaktu Terengganu di perintah PAS, kerajaan PAS meluluskan tanah untuk Kristian buat gereja di Jalan Air Jernih. Itu satu-satunya Gereja di negeri Terengganu. Lepas Pas kalah, kita mohon lagi kerajaan BN tidak hirau.

## **Bagaimana nak kenal Cina Kristian di Terengganu**

Kebanyakan rumah orang Kristian ada salib pada pintu rumah manakala kalau ada patung *Jesus that one is Catholic*...Di Terengganu, tidak boleh ada orang Melayu masuk Gereja .. kalau temu bual macam ini pun tak boleh ...sekarang pun tak boleh actually sebab Datin yang ajak sebab kami kena banyak kali, orang Melayu masuk Gereja ...pihak JAKIM akan datang serbu kami.

## LAMPIRAN B

### TRANSKRIP RESPONDEN

#### Resp # 01 (Hokkien).

<b>Nama</b>	Nurul Huda Ning Abdullah
<b>Etnik</b>	Hokkien.
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Swasta
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	17 tahun
<b>Alamat Asal</b>	Kampung Hiliran, Kuala Terengganu Kuala Terengganu.
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	9 Oktober 2012. ( 11.00 pagi)
<b>Tempat</b>	Kediaman beliau

#### **Apakah faktor Puan Nurul memeluk agama Islam?**

Saya lama doh masuk Islam.. dalam belas-belas tahun lah. ..dekat MAIDAM (ucap syahadah)...Bila dengar nak masuk Islam tu.. mak ayah bising ahh..terutamanya mak..sampai nangis-nagis ah. Masa tu Nurul kabor (bagi tahu) nak masuk Islam sebab nak kahwin dengan orang Melayu. Lepas tuu, lepas mak tok leh terima, Nurul duduk rumah kawan Melayu... sampailah ayah pujuk balik.. suruh masuk Buddha balik.

#### **Apakah cabaran yang dihadapi oleh Puan Nurul setelah memeluk agama Islam?**

Bila dapat tahu Nurul masuk Islam, memang mak ayah menentanglah...lepas kahwin dengan orang Melayu, ayah saya jumpa suami... saya dok lama tu (tempoh menentang tak lama).. mak boleh terima semula ahh.

#### **Pengalaman Mengenal Agama Islam Sebelum Memeluk agama Islam**

Saya dok kat kapung Melayu.. jadi hubungan ngen orang Melayu baiklah. Saya tinggal dekat Pulau kambing... mak ayah pun baik ngen orang-orang Melayu, jiran pun Melayu, main pun ngen kawan-kawan Melayu. Rajin gok Nurul main-main kat surau, pastu tengok .. orang-orang Melayu ambik air sembahyang, tengok dia orang sembahyang ramai-ramai. Kadang, kalau ada program kat surau, Nurul ikut kawan Melayu kat kapung , dok kat beranda.. dengar orang ceramah agama.

Waktu bulan puasa, pernah gok, tidur rumah kawan pada bulan pose di rumah kawan berbangsa Melayu, bila mak diakejut sahur, Nurul join sekali.. pastu Nurul puasa gok ah. Bila balik rumah, mok suroh makan... Nurul kata kenyang dah.. pastu tu bila lepas

maghrib Nurul gi dapur... buka puasa. Waktu tuu..Mak dok perasan.. kena pandai-pandai ah

Saya Sekolah Cina, Chung Hwa..Kat sekolah rajin gok saya dengar-dengar ustaz bagi kelas agama bagi orang Islam. Biasanya orang Islam (pelajar Islam) balik lewat sikit.. sebab dia orang ada kelas agama.. Nurul baik dengan kawan Melayu.. gi sekolah same2, balik sekolah pun sama-sama. Bila nak balik dari sekolah... Nurul tunggu dia, dok kat luar kelas.. dengarlah ustaz ajar fardu ain ...Lepas tuu Nurul masuk dalam kelas, join sekali ..sapai boleh ingat fatihah bila ustaz suruh hafal. Mula-mula guru besar (Cina) marah jugak.. dia ugut nak khabar ke ayah.. sebab dia kenal ayah Nurul.

### **Lepas tuu nak tanya hubungan dengan masyarakat Melayu lepas kahwin camne**

Hubungan dengan masyarakat Melayu tak dok masalah, sebab Nurul doh biase doh duduk ngen dia orang. Dari segi makanan tak dok masalah.. dulu mak masak cara Melayu sokmo.. sebab dok kapung Melayu... kadang Nurul makan nasik dengan budu dengan ikan singgang je selera doh. Tak yoh (tak perlu) lauk lain. Dulu ... ayah pernah buat budu sendiri, pastu dia bagi-bagi kat kawan-kawan Melayu dia. Anak Nurul sorang saja sekolah Cina, hak sulung tingkatan satu, darjah 4 sorang sekolah Melayu.

### **Hubungan dengan masyarakat Cina Asal camne**

Macam biasa ahh... mak marah sekejap jelah, lepas ayah meninggal, mak masuk Islam .. lepas tu adik beradik lain pun masuk Islam.. Cuma sorang je adik dok masuk Islam, dia kahwin dengan Cina dari China... tapi hubungan tak dok masalah.. kalau balik, dia tidur kat umah mak, jumpa adik-beradik. Hubungan dengan kawan-kawan Cina tak dok masalah jugak, kalau Sambut Tahun Baru kita pergi lah umah adik beradik, rumah pakcik-pak cik.. dia orang faham lah... kalau kita orang mari ia akan hidang makanan halal dan kita pandai-pandailah.

## **Resp # 02 (Hokkien).**

<b>Nama</b>	Mohd Zaharizam Toh Abdullah (Toh Meh Siang)
<b>Etnik</b>	Hokkien.
<b>Agama Asal</b>	Free Thinker
<b>Pekerjaan</b>	Peniaga
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	18 tahun
<b>Alamat</b>	Kampung Batu Burok.
<b>Asal</b>	Kuala Terengganu.
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	20 Oktober 2012. (10.45 pagi)
<b>Tempat</b>	Kediaman beliau

### **Apakah faktor En. Zaharizam memeluk agama Islam?**

Saya masuk Islam tahun 2001, agama Asal saya Free Thinker, saya ni dok caya mana-mana agama. Mok saya agama Kristian. Saya bergaul dengan orang Melayu....dulu saya kerja dekat The Store, saya ramai kawan-kawan Melayu..rasa tertarik dengan agama dia orang.

### **Pengalaman maklumat tentang Islam sebelum masuk Islam**

Saya biasa sahaja.. sebab kita terdedah dengan budaya orang Melayu, bila kita tengok tentang agama Islam tuu, kita banyak nak tahu, kenapa macam ni... keluarga saya agak liberal tapi bila bab Islam dia orang tok leh nak terima sebab Islam banyak pantang larang. Saya ramai kawan (bergaul) dengan orang Melayu, saya tengok dia sembahyang kat keje, saya tanya dia buat apa..dia kata ni hok orang Islam kena buat. Saya rasa ... setiap orang nii perlu pada agama.

### **Cabaran setelah memeluk agama Islam?**

Lepas masuk Islam...orang Cina caci saya dengan kata macam, macam babi.. mak marah jugak.. pastu saya dok duduk kat rumah.. saya tidur tempat saya kerja..pastu saya jugak ..tauke tempat saya kerja pandang serong... lepas 2 tahun baru baik semula dengan mak saya..Orang Melayu kurang bagi pertolongan... Cuma MAIDAM bagi Rm 1000 buat modal (perniagaan).

Sekarang ni hubungan saya dengan mak saya baik doh.. Dulu mak saya Buddha gok..pastu lepas ayah saya mati (meninggal), dia (emak) masuk Kristian.. adik beradik saya ada yang Buddha ada yang Kristian. Saya rajin jugak mari (pergi rumah ibu), bila isteri saya beranak, dia mari sini tolong cara (uruskan) isteri saya, masak ayam kukus halia bagi kat isteri saya. Kalau musim raya Cina saya pergilah (rumah adik-beradik).. dia jemput.. biasa saya pilih makanan yang halal... dia orang tahu kalau orang Islam kena makan gini-gini.

### **Kahwin dulu macam mana?**

Masa saya kahwin dengan isteri saya, mak saya mari jugok, masa merisik, memining, masa saya bersanding dia mari jugok, tengok camne dia orang buat (orang Melayu). Lepas kahwin...biasalah.. saya balik sokmo bawak isteri dengan anak-anak gi umah mak saya dekat Kampung Bukit Kecil.

Hubungan dengan masyarakat melayu saya tak dok masalah pakai budaya Melayu, macam hari raya puasa saya pakai baju Melayu pergi sembahyang macam orang Melayu.. pastu gi umah waris-waris (waris isteri)..Kalau jiran-jiran panggil kenduri saya bantu jugak macam orang kahwin, tahlil baca yasin. Macam makan minum, saya tak dok masalah..saya dok cerewet pilih makanan, isteri saya masak stail Melayu macam singgang, gulai, kari saya boleh makan. Mende tu dah biasa bagi saya.

### **Anok pandai cakap Cina dok**

Dok pandai... dok dang (tak sempat) nak ajar ... banyak dok dengan isteri. Anak saya hak sulung sekolah Melayu, yang kecil duduk dekat tempat mengasuh kanak-kanak. Anak-anak saya banyak ikut cara Melayu..

### Resp # 03 (Hokkien).

<b>Nama</b>	Kamarudin bin Abdullah
<b>Etnik</b>	Hokkien.
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Kilang
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	11 tahun
<b>Alamat</b>	Kampung Seberang Takir.
<b>Asal</b>	Kuala Terengganu.
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	21 Oktober 2012 (5.00 petang)
<b>Tempat</b>	Kediaman ibu mertua beliau

#### **Apakah faktor En Kamaruddin memeluk agama Islam?**

Saya masuk Islam dah sebelas tahun doh.. satu *family*.. masa tu kecik gi ah ... satu keluarga, sorang je dok..abang dok kat New Zealand.. hok lain semua masuk Islam. Dia (abang) tak dok masalah, kalu orang azan, dia akan suruh anak-anak buah pergi buat semayang.. dia marah kalau dok buat semayang atau lambat-lambat.

#### **Sebelum tuu ada minat dok nak masuk Islam**

Kira minat jugaklah kalau dok minat... kalau dok minat memang dok masuk doh...yang menarik .. apabila nak sambut raya... tengok umat Islam ada cabaran, cara hidup... Bezalah masa jadi Cina dulu... masa Cina dok tahu kalelah (tak tahu apa-apa).. tak ada tujuan.. gi mari gitu jelah .. sekarang ni rasa ada tanggungjawab.

#### **Apakah cabaran yang dihadapi oleh En Kamaruddin setelah memeluk agama Islam?**

Dari segi tentangan keluarga tak doklah sebab mak pun masuk Islam. Dari segi penghayatan agama payah tuu dok gok... kalau nak tuu boleh sangat la sebab sebelum Islam campur dengan orang Melayu, bak dok kampung Melayukan.. hubungan dengan masyarakat Cina lepas masuk Islam *still* ok..dia tahu.. sebab masa tuu tengah belajar gie... tiba-tiba tukar nama jadi pelikan (pelik) je la...sebab dulu sekolah Chung wa. Dari segi penghayatan Islam..ada bezalah dengan masyarakat Cina... biasalah ...puasa pengalaman biasa.. mula-mula lapar...puasa sekerat ari (separuh hari) je... le ni biasa ahh. Dari segi solat... mula-mula Islam ustaz Amirudiin dari MAIDAM datang rumah ... dia ajar cara-cara nak semayang ... dulu PERKIM tak dok kelas gii.. dulu mengaji hak luar-luar gitulah . Ustaz Amiruddin pun datang seminggu tiga kali itu macam la, dia ajar semua la fardu ain sekali la. Sekarang nii kita gi MAIDAM.. Dia ajar asas solat semualah.



### **Hubungan dengan Masyarakat Cina Asal macam mana?**

Saudara mara ramai lagi yang Cina (Buddha), kalau hari raya Cina Din pergilah ke rumah pak saudara, mak saudara.. rai dia orang.

### **Hubungan dengan Orang Melayu macam mana?**

Gitu jugok... beli-beli, sekarang ni campur-campur ..cara hidup tuu boleh ikut lama doh ahh.. lepas masuk Islam tuu kemudian tuu bolehlah..makan nasik pun dengan tangan ... mak pun masuk Islam. , sambut semua hari raya, *Chinese New Year* ... sambut lagi dengan kawan-kawan , saudara banyak lagi Cina ...makan pun ikut cara Melayu... selama ni pun masakan Melayu pun biasa dah.

**Program gotong royong dengan masyarakat Melayu** setakat ni kalau kat kampung-kampung pernah ahh. Macam kampung buat program, Din join gotong royong...macam masak-masak dok lah ...kalau raya korban rajin gok lah. Sebab dah biasa doh , duduk di kampung Melayu , masa Cina, budak-budak ikut je..kalau dulu pun kalau buat tahlil , kenduri, kawan-kawan ajak je ... masa tu ikut je la.

**Resp # 04 (Hokkien).**

<b>Nama</b>	Aishah Salma Sian Abdullah
<b>Etnik</b>	Hokkien.
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Peniaga
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	4 tahun
<b>Alamat Asal</b>	lot 3484 – A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu Selangor
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	13/11/2012 (5.00 petang)
<b>Tempat</b>	Kediaman beliau

**Apakah faktor Aisya memeluk agama Islam?**

Saya dah empat tahun masuk Islam. Saya bermimpi.. Saya dok kampung tuu kan, ramai orang Melayu kan... satu hari tu saya dapat mimpi tuu dalam tidurlah...orang Islam tua janggut putih.. koho (semakin) lama koho dekat.. kita takutlah.

Pengetahuan tentang agama Buddha ... tak pernah tahu..kiranya sangat longgarlah. Islam pun saya tak tahu berapa sangat sebab mak pun tak bagi sangat kita bergaul dengan orang Melayu, dia takut kita terpengaruh.

**Cabaran yang dihadapi oleh Aisya setelah memeluk agama Islam?**

Ooo... cabaran banyak ..Mula-mula tuu anak, bekas suami, keluarga, pak cik..mula-mula tu saya masuk Islam tak dok orang taulah ... esoknya ada orang tau...masa tuu saya dok umah abang kandung saya ...kat Kuala Terengganu .

Bila saya nak gi ambik anak saya tuu, anak saya yang gemuk tadi tuu... dia (bekas suami) tak nak lepas ... bekas suami tak terima saya masuk Islam, adik beradik tak terima . Lepas tu, anak saya pun saya daftar Islam, bekas suami saya tak tahu lagi. mak pun sama jugak mula-mula tok boleh terima, lama sikit boleh laa.

Kawan-kawan Cine cam ne..setakat tegur-tegur gitulah, lebih-lebih tak adalah

**Sekarang ni camne cabaran macam mana?**

Cabaran ... dia ... kalau adik beradik tuu kalau nak mintak dia tolong tuu memang masalah lah. Mak jugak tak leh tolong sebab mak jugak sebelah adik beradik .. nanti kalau mak tolong sini nanti dia (mak) susah jugak.

### **Maklumat awal tentang agama Islam.**

Saya tanya kawan-kawan ... contoh tentang kalau dia (bilal) azankan... mende bangkan, bila saya dengar saya rasa tenang. Sebab rumah saya dekat surau, bila dia bang tuu memang boleh dengar, dengar jelas sungguh .. duduk di kampung orang Melayu.

### **Biasa tak ikut aktiviti atau tanya aktiviti orang Islam?**

Kalau ajak kita gi kalau tak ajak kita tak gi la. Kadang-kadang saya tanya kenapa orang Islam tuu kena sembahyang.. kenapa orang Melayu dia salin pakaian kat situ?... kenapa dia sembahyang dekat depan?...kenapa kat sini tak boleh?.

### **Hubungan Dengan Keluarga Asal macam mana?**

Ayah dah tak ada ...kalau mak saya panggil (bawa) pergi rumah abang saya pergilah..kalau mak ade kena makan jugoklah..kalau dia (keluarga abang) masak.. dia tak akan masak tuulah (babi)... dia tahu .. kalau pergi rumah dia tuu kita bukak tudung lah dalam rumah dia.

### **Biasa tak mak datang sini?**

Biasa jugak..tidur sini..Kalau buat aktiviti agama mak banyak tak tahu.. kita tak buat depan dia, kalau sembahyang kita buat masa dia tak tahu. Dia (ibu) tak tahu anak saya yang gemuk tuu dah masuk Islam

### **Biasa tak terlibat aktiviti masyarakat Melayu?**

Kalau orang jemput saya pergilah kalau tidak jemput saya dok pergi lah.

### **Kehidupan sebelum Islam macam mana?**

Saya hidup susah, anak-anak kecil ada kerja ...ada makan, lepas masuk agama Islam rasa tenang

### **Kalau abang buat Tahun Baru Cina pergi tak?**

Kalau dia panggil pergi laa, kalau dia masak pun dia masak *steamboat*...makanan tuu biasanya dia dok masak ahh.. dia beli kat luar je .. dan dia simpan dah .. maknanya apa yang kita boleh makan dan apa yang kita tak boleh makan ... dia tahulah ...kalau air minuman biasanya dia (keluarga) beli air kotak ahh.

## Resp # 05 (Teochew).

<b>Nama</b>	Mohd Ayob Abdullah (Yeoh Chai Thuan)
<b>Etnik</b>	Teochew
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Peniaga
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	4 tahun
<b>Alamat Asal</b>	lot 3484 – A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu Pulau Pinang
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	13/11/2012 (5.30 petang)
<b>Tempat</b>	Kediaman beliau

### **Maklumat awal tentang Islam.**

Kalau saya lalu kat masjid, saya duduk sekejap kata situ, saya tengok orang-orang Melayu buat semayang Jumaat ramai-ramai. Lepas tu saya tanya orang-orang Melayu semayang Jumaat, apa dia orang buat.

Saya mimpi orang tua berjanggut putih.. .. dia kata kenapa mu dok masuk Islam, mu agama Buddha pun mu dok semayang..

### **Apakah cabaran yang dihadapi oleh Pak Ayob bila setelah memeluk agama Islam?**

Banyaklah cabaran... keluarga, anak dan isteri tak mboh (tidak mahu) terima saya...lepas tu saya bercerai. (air muka agak berubah) Sekarang ni macam tu jugak.. keluarga masih tak leh (tidak boleh) terima.

Sekarang nii rumah keluarga dok pernah pergi (Tahun Baru Cina), kalau MAIDAM, PERKIM buat program Sambutan Tahun Baru, barulah saya pergi.

### **Hubungan dengan Orang Melayu macam mana?**

Kadang-kadang lah,, biasanya kat surau atau kat masjid ...kadang-kadang MAIDAM panggil wat program gotong royong. Kalau kematian..biasa gak ikut gi tengok orang mati... usung orang mati sampai ke kubur. Kenduri kahwin ..kalau dia orang jemput saya pergilah... tapi dok lah bantu dia orang... cuma makan-makan aje.

Dekat PERKIM dengan MAIDAM. Saya baca buku agama .. dok faham saya tanya kawan-kawan Melayu.

## **Resp # 06 (Hokkien)**

<b>Nama</b>	En Abd Rahman Khoo Abdullah
<b>Etnik</b>	Hokkien
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Peniaga
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	2 tahun
<b>Alamat</b>	Pangsapuri Permint Harmoni, Jalan Cherung Lanjut, Kuala Terengganu
<b>Asal</b>	Kuala Terengganu
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	14 Nov 2012 (1.00 tengahari)
<b>Tempat</b>	Kediaman beliau

### **Berapa lama En Rahman dah masuk Islam**

Saya dah masuk Islam pada bulan Jun 2010..Em dalam dua tahun, agama asal... agama asal agama Buddhalah, Tempat masuk Islam ..Kuala Terengganu lah... dekat MAIDAM. Sebab masuk Islam...sebabnya... no satu saya dari dulu dari kecik asasnya ... tok saya dah ajar ajaran-ajaran Buddha... pulak saya ni jenis suka, selidik, kaji, tengok contohnya sejarah macam mana Buddha daripada anak raja dia boleh lari dan menjadi seorang ahli betapa .. dari ahli betapa tuu, dia mencari kebenaran hidup , daripada dia tengok orang tua, orang sakit, orang mati dan dari seorang pendeta daripada tu dia kata ... ai hidup ni ada manusia-manusia yang jenis macam ni... ada sakit, ada apa.. sebab dia daripada kecik lagi dihalang oleh keluarga dia daripada melihat mende2 ni. Sebab dia bakal pengganti raja, kerana itu dia lari meninggalkan istana dan dia menjadi seorang betapa dan seterusnya dia mencapai peringkat kebuddhaan atau mencapai peringkat kekeburan.

Dari segi bahasa ia bermaksud seorang yang mencapai pencerahan sempurna... em bahasa orang pasar, orang melayu panggil kekeburan

### **Pengalaman dudok dalam persatuan Buddha dulu, objektif persatuan apa dia**

Ditubuhkan persatuan Buddha ini menggunakan bahasa Malaysia untuk menerapkan ajaran agama dalam generasi baru supaya diaorang memahami agama sendiri dan mengelakkan dia orang tuu menganut agama Islam ... persatuan Buddha Terengganu berkait dengan agama Buddha Mahayana sebabnya agama Buddha ni dia ada banyak Theravada, Mahayana. Program-program aktiviti yang biasa dia buat, no satu dia buat kelaslah pada tiap-tiap hujung minggu, sebulan tu ada ceramah-ceramah sami Buddha, pastu buat kursus-kursus agama Buddha, lepas tu jugak kita ada kelas tuisyen yang berkaitan dengan kelas akademik dia orang

## **Apa kaitan dengan pengislaman En Rahman**

Daripada tuu, sekolah saya campur dengan orang Melayu daripada darjah satu sampai darjah nam. Saya mendengar cikgu2 mengajar agama dan sebagainya tentang syariat, akidah..akhlak

Saya masuk kelas agama, saya tak keluar, saya dengar cikgu2 bagi kuliah agama... lepas tu dari form 1 hingga form 2, I ambik pengetahuan agama Islam, masa SRP.. masa SPM pun sama jugak. Lepas tu masa STPM I ambik sejarah Islam.. tu banyak baca tentang kisah-kisah Islam.. at the same time I banyak baca kisah tentang Buddha ...saya juga banyak membaca tentang Kristian, saya tengok kitan Injil, saya tengok al-Quran yang diterjemah... saya baca kitab-kitab Buddha ... daripada itu saya buat perbandingan-perbandingan ...Lepas tu pulak saya biasa melibatkan diri dalam persatuan Buddha ni dan saya biasa bercampur dengan orang-orang yang mendalami Buddha contoh sami Buddha dan sebagainya kan. Lepas tu saya mengenali seorang angkat Melayu Islam... tapi dah meninggallah saya tengok dia mempunyai anak-anak, keluarga yang besar dan hidupnya agak senang..orang mewah jugaklah tapi dia *very humble*, air mukanya cerah

## **Apa yang menyebabkan En Rahman tertarik?**

Jadi apabila saya tengok dia tuu, saya perhatikan apa yang saya baca dan saya tengok dari pengalaman Buddha, dari paderi Kristian, daripada orang Melayu, jadi saya minat untuk mendalami agama saya minat apa yang Buddha dapat iaitu dia mencari tuhan jadi apabila saya mengkaji dalam kitab Buddha itu tentang mencari Tuhan dan sebagainya tetapi dia tidak dapat memberi tahu dengan jelas di mana. Mungkin kat Malaysia kita ni ahli2 pendita dia tu terhad tidak macam di Nepal atau di Thailand.. so banyak dia punya penulisan ni dalam bahasa Siam dan Inggeris, tapi itu pun tak banyak kita dapat, so bahan2 dia tak banyak .. so mulalah I mengkaji ke arah Islam

Saya mengkaji tentang Islam, ada lebih kurang 30 tahun, saya bukan senang nak tukar agama ... bagi saya agama *Buddha is the best*. Jadi apabila saya tengok ayah angkat saya, Hj Yusof tuu...sebelum tu saya tanya dia, tok ayah nampak tenang, gitu gini.. apa rahsia-rahsiannya. Dia kata bukan apa kita orang Islam, kita mengamalkan Islam jadi inilah... jadi saya nak bagi tau awak, nak ajar awak susah jugak ...sebab awak bukan orang Islam

## **Contoh mengamalkan Islam tuu apa dia?**

Berkaitan ilmu syariat,tarikat, hakikat dan makrifat, Ye ye... saya lebih cenderung kepada tasauf... daripada saya memahami ilmu tasauf baru saya masuk Islam, Saya belajar dengan Ayah Sof (Yusof) Banyak tentang tarikat.

## **Pengalaman awal mengenali agama Islam**

Kalau mende2 yang bersifat pembelajaran saya dengarlah tapi kalau mende yang tak bagus, mende yang kita tak faham tak dengar jugak... kalau tak faham saya cari jawapan melalui buku. Saya biasa dengar, pada saya tak ada gangguan itu.. adalah hak agama masing-masing dan kita tahu.. bahawa itu telah masuk waktu maghrib

## **Cabaran masuk Islam**

Cabaran luar tak ada lagilah, sebab saya rahsia pengislaman saya Cuma cabaran dalaman, batiniah, sama ada kita mengikut perasaan kita ke, hati kita ke, pemikiran kita ke. Maksudnya rahsia tadi takut macam tuulah...Kita rahsiakan untuk kebijaksanaan lah sebenarnya bukan takut... Cuma orang macam saya ni bila masuk Islam saya fikir pro and con, negatif dan positif. Kena fikir habislah .. cumanya lebih bersifat untuk kebaikanlah.. berhati-hatilah dengan kebijaksanaan, apabila di ketahui oleh keluarga atau rakan-rakan .. eh awak dah Islam ..tapi awak macam dulu

Kalau dia orang tahu sekarang ni, tak dok amende ah...kalau dia orang tanya I bagi tahulah kalau dia orang tak tanya tak bagi tahu lah

## **Hubungan En Rahman dengan keluarga asal sekarang ni macam mana?**

Hubungan dengan dia orang tak ada apa-apa masalah sangat sebab dia orang tak tahu lagi saya masuk Islam.

So kalau musim dia orang buat Tahun Baru Cina, saya akan pergilah, saya akan merayakan sekali dengan dia orang cuma kena pandai jagalah contohnya kalau makan minum tu saya jaga halal-haram lah ...

Biasanya tahun baru Cina, orang Cina makanan Tahun Baru Cina .. kalau kita gak babilah kan... terus terang saya cakap tak semua orang cina makan babi. Orang Cina peranakan tak macam saya nit ak makan babi. Babi ni di makan oleh dia apabila adanya hari perayaan2 kalau pada hari biasa..ni dia bukan makanan yang mesti,

## **Masa belum Islam biasa tak terlibat dengan aktiviti dengan orang Islam**

Tidak, sebab saya bukan Islam lagi, pandangan masyarakat itu nampak kita tu lain, Cuma aktiviti-aktiviti biasa tuu adalah macam pergi majlis orang kenduri, tengok hari raya korban..sembelih lembu, tanya kenapa daging lembu tu tak bagi kita makan... dia orang bagi tahu tak boleh.. haram bagi orang Cina makan ..sebab ini untuk orang Islam..gitu je

Sekarang nikan.. kalau ada kematian saudara asal yang masih beragama Buddha, saya pergi, .. biasanya kita menziarahi, tengok si mati, bagi takziah kepada keluarga ..seimbang-seimbang dengan kenalan, minum air lepas tu kita balik lah. Ke kubur tuu

kalau yang rapat tuu kita pergi jugak, kita hantar ke kubur .. tengok-tengok sekejap, hadir diri pastu kita balik lah.

Sejak saya masuk Islam saya dak pernah balik buat Ching Ming ... tak salah boleh kita pergi. Iktikad kita sebenarnya ... Ching Ming ni satu lagi nak bagi tau.. banyak orang tak faham, banyak orang ingat sembah tuhan, sebenarnya sembah nenek moyang yang sudah meninggal, cara penyembahan nenek moyang dia, dia pakai colok, sebagai komunikasi ... adat penyembahan dia tuu

### **Hubungan dengan masyarakat Melayu, khususnya dengan keluarga mertua**

Tak ada masalah, baik. Kalau aktiviti saya boleh join sebab saya biasa bercampur gaul dengan orang Melayu, kita orang Cina Peranakan makan pun macam orang Melayu guna tangan ..kadang2 pakai sudu, chopstick ni jarang sangat. Macam dia orang nak buat tahlil kita pergilah jemput budak-budak dari Maahad Tahfiz berapa orang, berapa orang dan join dengan dia orang sekali, semayang,

Masa kahwin Dia punya adat (masyarakat Cina) macam adat Melayulah.. kita tak pakai adat Cina sebab nak mengelakkan daripada orang yang tak perlu tahu .. keluarga semua tu..*no 2 of course* kalau kita pakai adat kita dia akan jadi amende yang heboh plak. Saya pakai baju Melayu, tak bersandinglah cuma bergambar jela



## Resp # 07 (Hokkien)

<b>Nama</b>	Nurul Hidayah Ong Abdullah (Ong Oui Sek)
<b>Etnik</b>	Hokkien
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Suri rumah
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	18 tahun
<b>Alamat</b>	Kampung Bukit Tunggul
<b>Asal</b>	Kuala Terengganu
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	19 Nov 2012 (10.00 pagi)
<b>Tempat</b>	Komplek Darul Hidayah, Maidam

### **Apakah faktor Kak Nurul memeluk agama Islam?**

Dapat petunjuk dari Allah pada usia 12 tahun lagi dalam mimpi, lepas tu mintak tangguh dengan tuhan, biarlah aku kaji dulu agama aku dan saya pun buat kajianlah dan pernah gi kursus kat kuil Buddha dekat Kota Bharu duduk situlah. Umur dekat 20 tahun gitu ah. Masa tu belum kahwinlah ...masa gi kursus tu semua.. pastu kahwin ah dengan Cina ..lepas tu boleh anak.. pastu cerai baru masuk Islam.

Masa tu saya buat kajian dari segi ketuhananlah ..mende2 hak lain sama saja, dari segi amalan dia ada doa jugak, semayang pun dia ada semayang, dari segi ketuhananlah macam kalau kita buat baik kita boleh jadi sami buat baik-buat baik dia jadi tuhan akhir sekali.. hak jadi tuhan tuu saya pun fikir.. jadi tuhan banyaknya ..ooo macam mana ok.. macam mana boleh jadi gitu .. balah hah.. bab tu orang Cina dia ada sembah tuhan tanah. Tuhan air, tuhan langit, tuhan gua macam-macam. Masa saya dalam Buddha saya adalah ustazah, saya mengajar budak seminggu sekali tentang Buddha, sirah Buddha, saya ajar meditasi, saya jadi ketua untuk sembah patung2..orang ikut belaka..lepas tuu

Macam Mimpi tadi tu.. kalau orang macam pelawak je. Saya tidur di tepi sungai, sungai tu berwarna putih, masa tu memang saya dok percaya mana ada sungai warna putih, biasanya sungai airnya memang jernih.. bawah pokok pastu mari ah orang tua bawak tu dekat pakai jubah putih, dia suruh saya mengucap.. pastu tiba-tiba saya boleh ngucap ngen dia masa tulah.. tiba-tiba saya terkejut tu saya masih lagi boleh mengucap.. kejut dari tidur. Peristiwa tu berlaku di rumah nenek saya . Bila peristiwa tu berlaku di rumah nenek saya, saya pun ada perubahan dari segi pakaian apa semua tu..saya pakai baju kurung.. saya dok pakai doh skirt2.. saya wak banyak baju kurung saya banyak suruh orang buat baju kurung. Lepas tuu datuk nenek saya tengok saya ada perubahan dia bawak gi tok bomoh.. pastu dengan kuasa Allah .. tok bomoh tu dia tengok dua orang... sat u mak sepupu saya, sama umur dengan saya ..dia dok kata saya nak masuk Islam dia kata hak mak sepupu saya nak masuk Islam.. Allah tukarkan nasib dia tuu dengan saya ..Tiba-tiba hak tuu, sebab hak tu pun bergaul dengan orang Melayu gak.. jadi hak tu

orang dok jaga.. jadi saya orang dok jaga (tak ambil peduli), dok kongkong.. jadi saya pun bebas boleh gi belajar dengan kawan.

### **Pandangan terhadap agama Islam pada masa itu?**

Dia macam orang Cina jugak, bila kita telah ada asas agama, kita boleh bezakan adakah kita nak masuk Islam nii kerana tengok orang Melayu atau kita nak tengok agama tu. Kalau tengok orang Melayu tu macam-macam mende yang tak baik kita tengok.. maknanya dia tak amalkan apa yang Islam suruh.

### **Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kak Nurul setelah memeluk agama Islam?**

Banyak lah weh. Ok satu dari keluarga bekas suami : bila masuk Islam ada masalah dengan bekas suami Cina. Dia saman saya dia nak ambik anak, anak sorang masa tu anak saya tiga tahun, puang (perempuan), anak saya nii dia kata dok cukup umur untuk masuk Islam.. jadi dia nak ambik balik . Yang Kedua,,ee masalah yang saya hadapi dengan keluarga saya sendiri mereka masing2 dok leh terima saya sebab saya anak sulung dan satu lagi saya harapan keluarga emmm... jadi mak saya carilah tempat bomoh sampai ke Thailand bagi makan ke saya.

Masa tuu saya saya dah kerja. Sebab saya nak sara hidup anak kan Bila saya kerja dok lame mana saya kahwin. Bila saya kahwin saya mendapat layanan buruk dari mak mertua, apa yang saya buat semua dok kena .. bila saya balik saya masak dia tak mboh (tidak maju) makan, bila saya beranak anak cucu dia nilah dia dok jaga .. dia kata saya kotor.. kita orang Cina ni pengotor .. lepas tu dia kata saya kahwin ngen anak dia nak harta dia. Pastu saya mendapat tentangan daripada orang-orang kampung sendiri, maknanya bila saya masuk Islam saya cuba berbaik dengan keluarga saya ..jadi orang kampung dekat keluarga saya duduk tuu dia kata saya dok leh balik dan dok leh makan pun dan dok leh makan situ. Masa tu saya dok di Banggol Tuan Muda, dekat Manir... saya dok leh makan, saya dok leh balik, saya dok leh ...dia kata bila saya Islam dia kata tok leh bebas sangat dengan keluarga pastu..saya mendapat tentangan.

### **Berapa lama proses nak baik semula dengan keluarga asal?**

Lama jugok dekat sepuluh tahun saya wak baik ngen mak saya.. saya wak gi beras.. mak saya sakit kencing manis .. beras taj mahal..pastu tu dari segi budaya saya *confius* saya makan dengan *chop stick*, ada orang kata dok boleh, dari segi pakaian, dari segi adat, jadi mende tuu kita jadi *confius* ... dia kata berdosalah.. haram.

### **Cabaran memeluk agama Islam?**

Kalau Melayulah... keluarga mak mertua ah.. Dia kata dok baik makan ngen *chop stik*.. sedangkan saya fikir balik, dia makan ngen sudu.. jadi kita pun dalam dilemalah masuk Islam.. jadi kenapa jadi begitu. Pakaian kena pakai baju kurung, tok boleh pakai seluar .. jadi kita pun mikir (berfikir) sebab apa jadi gitu.. lagi bila menghias diri..dulu kita ko main ah jangok (bergaya)... dok bagi menghias diri.. jadi kita rasa kita ni macam dok

bersih je ...alasan dia kata dok leh nampak kita comel..nanti orang tertarik kat kita.. Lepas tu bekas suami saya dulu dok wi saya gi belajar, seme pintu kena kunci, tingkap kena tutup emmm saya kena kurung.

Dia (bekas suami) dok ajor.. lepas tu dua tahun ngen hok tu, tinggal (bercerai) hok tu kahwin ngen hok lain...alhamdulillah lah... tak dok masalahlah..pastu tentangan daripada orang kampung...orang kampung selalu *double standard* dengan kita ... kawan saya sendiri pun gitu. Bila kita memasak kita banyak guna minyak bijan dengan kicap hitamkan ..bila tengok kita memasak dia kata kotor..mak angkat saya sendiri, minyak bijan tu dia kata saya beli minyak haram emmm dia buang minyak tuu.

Masalah kewangan satu.. dengan pendapatan RM 500 dok cukup.. itu masalah saya nak pelihara anak nii..bila saya tak dok suami ni jadi orang dok berapa layan saya, dia kata saya nak pikat suami dia, kat rumah saya nii ada lubang ni sekeliling rumah dia tebuk ..dia intai saya..laki dia ..itu masalah .. Banyak sangat saya hadapi masalah saya tidak ada galakan..

### **Pengalaman mengenal agama Islam sebelum Muslim**

Sebelum saya dapat petunjuk tuu, saya gi sekolah saya tanya ustaz , ustaz pun kata, dok apa awak mari ustaz ajar baca Quran ...bacalah Quran, kalau ada orang gi semayang awak gilah semayang masa tu Buddha lagi, masa semayang tu saya gi tengok, ustaz kata kalau ada macam ada orang selak-selak kain masa semayang awak tolonglah tarik tapi nak naik atas surau tu awak kena ambik air semayang Pastu ustaz ajarlah, ustaz ajar.. dia ajar saya baca Quran dalam kelas pastu .. jadi pandailah masa tu ..boleh mengajilah masa tu... Bila kata bila saya naik tingkatan 6 tu kalau cikgu dok ngaji baca Qul 'azu rabbbinnas, kita boleh faham ayat ni ayat pendek sahaja.

Kalau ustaz ngajor dalam kelas saya joinlah, ada dalam kelas, dok gi luar atau pengajian moral, Sekolah Tengku Bariah, sekolah tu ramai Melayu joinlah baca Quran sekali, ustaz kata Ong baca ini, baca bismillah tengok .. Kadang tanya ustaz, ustaz kabarliah (bagi tahu)..ustaz nak ambik air semayang nak naik atas surau, ambik ah air semayang biar bersih ah, ambik air semayang tu kita bersih diri kita .. kita pun ikut aje lah mak ayah kita dok ajar gitu cuma dia ajak gi kuil je semayang.

Kalau buku agama bacalah sebab kita pun belajar sampai tingkatan 6, banyak lagi buku yang saya baca tentang agama semua macam tentang dari segi semayang semua ...kita tengok orang kampung semayang, kita tengok dalam buku suruh semayang, kita tanya ustaz, pastu ustaz kabar (beri tahu) lah cite,cite cite pastu dari segi pose ... nak *try* puasa .

Ada kawan (Melayu) khabar, mu nak puasa dok? Ong puasalah, mu try tengok, mu pose sekerat hari tak apa, puasalah saya ..lepas puasa tu saya rasa laparlah saya rasa nak makan, nak makan ...Ong baca ayat ni Ong, saya lupalah ayat tuu.. bila baca ayat tu memang dok lapar sampai petang .. puasa tu dak sampai sebulanlah.. dalam beberapa

hari .. kadang dok puasa. Saya dok sahur ah ...buka pun macam orang Melayu...Bila mak panggil makan.., saya dok dalam bilik air doa “Ya Allah ya Tuhanku tolonglah biar mak aku dok sedar ak u ni puasa.. dok makan .. dok dalam bilik nak royak (cerita) takutnya mak nampak. Sebab bila dapat petunjuk saya tulis surat kat kawan saya nak masuk Islam, bila mak jumpa surat saya, mak bahang (pukul) saya sampai pengsan. Adik saya pulak cite, mak mu bahang mu sampai pengsan, mu dok sedar, pa pulak kate, jadilah, jadilah, jadilah . Mak saya pernah halau saya dari rumah. Dia *queen control* lah, macam harimaulah.. tapi masa dia sakit kat hospital saya jaga, orang lain dok berani belaka, .. dia sedor saya jaga, tapi bila saya minta maaf dia kata dia tidak maafkan saya , sebab apa mak dok maafkan saya, saya tanya, sebab mu masuk Islam, kalau mu nak aku maafkan mu, mu kena sujud ke aku, orang Cina kalau nak mintak maaf ke sujud gitu kan .

Saya ajar dia mengucap, tapi dia tak terima, Dia tokleh terima Islam saya sampai ke mati. Adik beradik lain takut nak jaga, panggil sami...sami pun takut, sami lari balik. Dia sami nii dia takut orang mati..mak saya macam sawan gitu bila saat dia nak mati.

### **Penglibatan dalam aktiviti masyarakat Muslim.**

Saya pernah pergi rumah kawan, saya pergi masa sekolah tingkatan tiga, pergi nak jumpa dia, lepas tu dia ada dalam ..saya masuk dalam rumah dia, mari nenek dia..dia marah saya ..mu ni kotor masuk ke tempat saya semayang, kamu ni najis saya pun balik terus nangis-nangis sepanjang jalan balik rumah, rasa hinanya kita. Kemudian saya duduk dalam kelas adalah yang pakai tudung labuh berkata, eh Ong aku tak boleh sentuh mu, mu tak boleh dekat dengan aku, kalau aku sentuh mu aku kena basuh dengan air selut. Dia terlalu fanatik dengan Cina.

### **Hubungan Dengan masyarakat Muslim selepas memeluk agama Islam**

Orang Melayu dengan Cinanya dia ada satu gap emm *double standard* dia tu ade. Saya ada masalahlah, masa kecik saya dok ngen nenek sayalah.. keliling rumah tu semua keluarga saya belaka dok campur ngen orang Melayu. Bila kita masuk Islam campur dengan orang Melayu, ngen keadaan orang Melayu dulu.. kita rasa nak memberontak..tau , masa tu bengong kejam.

Dia orang dok leh terima, kita nak pakai skirt seme ia dok bagi, suruh pakai kain, kita ni panas.. kita ni dok pandai pakai kain sampai sekarang pun dok pandai pakai kain. Mak saya memang pakai kain gok, ia pun kawang ngen orang Melayu gok tapi masa remaja saya dok ngen nenek ...nenek saya pun pakai kain macam orang kapung .. tapi dari segi pergaulan kat kapung saya dok gaul dengan orang Melayu..kita pun pakaian pun dari segi Cina ahhh.

Dari segi makan minum, saya dok leh makan gulai kari dulu, saya muntah, dok leh makan pedas. Kita kalau orang Cina betul kan kita makan sup, kalau ikan goreng kita tak garam dok buh (tak letak) mende .. dok leh makan nasi minyak, dok leh (tak boleh)

makan nasi lemak.. rasa dok leh ..rasa panas belaka .. dok sesuai.. lening je (sekarang ini) baru boleh..ambik masa sangat lama

Sekarang ni ok sikit, sampai tahap dia suruh saya ajar anak dia ngaji..banyak rezeki yang sampai tu.. tapi Alhamdulillah sampai sekarang bila saya kata apa dia orang akan dengar.

Kalau aktiviti macam gotong royong dia (orang Melayu) akan panggil mintak tolong koyak bawang, tanya saya macam mana nak bersihkan ayam, nak lembutkan ayam kita pun bagi tahu petua dia.. dia orang doh boleh terima apa yang saya masak dia orang boleh makan..Kalau kat pasar tuu dia orang pagi ayam kak Nurul ambik ah ayam ni masak ayam halia ke saya, saya masak ahh , ye bawak balik ke rumah mak ayah dia semua.

### **Hubungan Dengan Keluarga Asal?**

Saya cuba untuk berbuat baik, saya pergi raya jela. Biasanya raya pantang dok leh marah orang. Atau raya puasa saya gi atau makanan ...pastu saya wak baik ngen mak saya..

Kalau Cina gim moh dia tu..mula2 dok makan ah bak do lih balik ...lepas pada tu lima tahun kemudian baru boleh balik ... sebelum tuu saya pergi bawak barang dia lepor balik...ayah saya ni sedih, “takpa takpa biar pa makan belai (sambil) nangis sambil gi ambik.. mu doh soh (tak perlu) berasa hati ah mak mung” ..ayah baik tapi kena control...lepas tuu mende-mende gok ingat ke saya, telefon ke saya.

Mak saya gak dok lih nak terima mula-mula, *last* sekali bila saya nak wak baik dia pernah telefon saya “Che Ong Ma nak makan sura (bubur Asyura) mai buat sura ke ma hok dok manis”.

Itu dalam lebih lima tahun doh tuu. Lepas tu gilah wak sura wi ke dia, gi lah belajar dok pandai pun wak sura dok pandai pun, bila dia tanya mu pandai dok wak sura, kita wi nak rapat ni kata pandai .. biar dok tahu mende satu pun. Satu penghargaan besar.. maknanya gi masak bagi dia makan.. dia kata makan seminggu sura hok saya buat tu dia kata ... dia kata sedapnya

Lepas mak saya tak dok (meninggal) tuu, adik beradik boleh terima saya semua... hari raya memang saya gi... saya buat BBQ saya bawak dari rumah, saya buat nasi minyak saya masak situ, saya bawak barang-barang saya ..masak rumah ayah saya .. adik beradik saya semua mari.

Kalau hari raya puasa, adik beradik saya dari KL gi rumah saya, dia jalan (datang) ke rumah saya kita pun jamu makan sama pastu ...saya hantarlah makanan yang saya buat macam nasi minyak ke, nasi Bukhari ke, nasi apa-apa, ayah saya pun kalau dia nak makan mende-mende dia akan suruh saya gi buat.

Lepas pada tu, bekas suami saya ni dok berapa keja .. tu dia (emak) dok suka .. jadi dia kata saya kahwin dengan orang dok pakai (tak berguna) emmm kita tanggung dia semua.

### **Perkongsian Aktiviti di rumah keluarga asal.**

Mak saya ni dia dok wape cakap mana, dia cakap gitu je ahh. Kalau tak dok orang rumah dia suruh saya hantar kedai adik saya ..dia tak mboh (tak mahu) duduk rumah saya tapi anak-anak saya dia sayang belaka, dia cakap molek, wi pitis wi apa semua..jadi ngen saya.. jadi ngen suami memang langsung dah dok leh. Lepas tu dengan suami baru ni dia sayang dia kata suami baru ni baik.

Saya pernah semayang rumah ayah, dan pernah adik beradik saya tengok saya semayang , ayah saya tengok, pastu ayoh saya sediakan tempat bersih untuk saya semayang ..baguslah dari segi layanan dia...lepas tuu..anak-anak saudara duduk tepi...saya baca *fatihah*. Dia pun baca *fatihah* dia pun panggil ramai-ramai *lai-lai-lai* mari semayang ..dia (ayah) pun dok larang mana...Cuma kemudian-kemudian je dia takut ganggu.

Kala emak saya mati saya pergi (mati).. tapi orang Melayu dok wi gi.. bila saya gi saudara mara memang ramai.. dia pun masing2 mari dok kat saya dia Tanya boleh gi mari.. saya kata boleh mari Cuma syaratnya, satu tok leh gi semayang.. pastu waktu gi kubur saya boleh gi kubur ..pastu tu kan ia kena lingkung semua ..pastu saya gi tengok bila wak turun mayat tuu. Lepas tuu .. bila nak kambus tuu dia kata kena kepal tanah, hok tut u dari segi dia punya adat saya pun *confuse* takut ada unsur agama sebab dia ada sembah ..sebut dia lempar pertama dia ada sebut gini2.. saya pu kata dok boleh hak ni... adat orang Cina gi kat mayat tuu kena nangis, paksa nangis jadi mende tu wajib... saya kata dalam Islam mende tu dok leh nangis...Bila saya gitu dia pun senyap ah dok kate mende ahh... Memang pada masa tu segelintir saudara mara pandang saya serong..tapi macam adik beradik ye mari ah buat dengan kita ape seme ... pastu ayoh saye bila mak saya mati tuu..saye ada ah khabar (beritahu) ni boleh makan ni takleh makan macam air, kuih ... pastu masa gali kubur tu orang ada ah khabar ni kena pakai...pastu saya kata ni keagamaan saya kata ni dok leh pakai .. Cuma saya kata ok sebagai nak menghormati saya pakai jugak tali hak ikat warna merah... dicucuk ngen jarum

Ching Ming. Saya dok gi Ching Ming sebab saya kata Ching Ming ni banyak unsur agama ,, dia sembah antu.. dia bawak kuih koci.

## **Resp # 08 (Hokkien).**

<b>Nama</b>	Azizah Lim Abdullah (Lim Se cheng))
<b>Etnik</b>	Hokkien
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Suri Rumah
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	18 tahun
<b>Alamat Asal</b>	Kampung Cina
<b>Asal</b>	Kuala Terengganu
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	19 Nov 2012 (10.30 tengahari)
<b>Tempat</b>	Komplek Darul Hidayah, Maidam

### **Latar belakang Agama Asal**

Saya pegangan agama Buddha dok kuat ... dok pernah pergi ke kuil pun...Sebab masuk Islam, sebab kita dok dalam kampung gaul ngen budok Melayu, dok Lorong Jamil kat Pasar Payang..dok kawang ngen budok Cina..kebanyakan tubit keluar masuk dengan budok-budok sebelah rumah. Dia same umur jugok dengan saye.. Jadi kita banyak gi umah dia kan kita gi tengok keadaang keluarga dia..kawang-kawang brodong hari tuu eh

### **Pengalaman cabaran masuk Islam camne**

Saya cuma rase gitu ahh.. ayah saya nak hantar saya ke Singapura..ayah saya ambik parang kejur..Masa tu di lorong Hj Jamil kereta abih penuh bira jalan kes saya saya lah. Orang pakat gi tengok. Ayoh saya bahang saya macam2, saya balik pagi tu, dia maroh saya saya pun lari ah..pastu bila saya balik ke umah pagi tu..dia cakap ngen mak saya dia nak bawok saya ke Singapura sebab dia maroh saya kawang dengan orang Melayu.. Pastu gok orang rumah saya ahh suami saya le ni ahh.. masa tu kawan dengan dia kan, dia ajok saya balik...awak balik umah awak dulu.. Tanya masalah..ada masalah awak talipung ah ..panggil saya mari , dia jupe gok negen ayoh saya, dok awak cinta anak saya.. dah saya cintalah ke dia..awak jangan main-main...pas pade tu ayoh saya nak tengok ke dia berani ke d ok. Peseng ayaoh saya bgitu ah

Saya pun balik pagi tuu, ayoh saya duduk atas meja minum air, dia tengok je saya masuk je di plekong (lontar) ngen botol, saya ngelik ah, mak saya saya sekat kena pale mak saya sapa daroh pale mak saya..daroh hanyar pale dia ..mak saya suruh saya kluar..tidak lagi teruk ayah awak keje ke awaok dia kate. Saya pun gi luar, pak sedra saya mari dia kata sudah2 ah..kalau boleh ajok dia balik kapung.. saya tak nok balik kapung walau macam mana pun, jadi saya pun gi ke rumah sebelah.. arwah Cik Minah, jadi pok dia ambik saya sebagai waris dia.. jadi mase tule ah ... Lari dari umah saya dok umah kawan saya Islam (Mak Cik Azizah menceritakan pengalaman dengan nada yang sebak)

Lepas masuk Islam saya dudok umah ustazah Fatimah, lepas tu ayoh saya wak naik court sebab dia kata saya masuk Islam dok cukup umur lagi, bak masa tuu saya baru 17 tahun. Memang kuasa ayoh saya dok

### **Berapa tahun dok baik ngen ayoh**

Saya dok baik ngen ayoh saya dok lame mana dalam dua tahun. Semasa kes baik ngen ayoh, kes adik saya ahh.. sebab orang nok gocoh (bergaduh).. kawan dia kata awak gi cari natu awak hok keje panggung. Orang umah saya keje panggung, sebab nak mintak tolong dia, dia kaki samsengkan..macam katan ak cari taiko maknanya .. jadi orang kapung takut ah, maknanya gitu ahh.. jadi suami saya cakap ngen orang tuu.. jadi baik ah ngen ayoh saya

### **Maklumat awal mengenal agama Islam**

Saya memang kawang ngen orang Melayu belaka, tak dok orang Cina, saya sekolah Chung Hwa tapi dok abih.. kena jaga adik-adik. Saya dari Dungun lagi kawan dengan orang Melayu . Kat kapung orang panggil A Ching.

Saya, kawan2 ahhh Sebab kita rajin gi umah diakan ... rumah saya .. umah dia naik tangga turun tangga, kalau dia baca quran dengarlah dia ngaji. Pastu dia khabor dia bace mende, kalau dia semayang dia kabor ah kalau orang Islam ni jadi hati bersih , jadi kita gi mana2 kita dok takut, Allah tu ada . Jadi pada masa tu tepat gelab memang saya takut, tepat gelap saya dok jalan sorang saya jalang ramai. Bila kita dengar orang semayang bang pagi tu.. kita nak bangun malam pun dok takut ... start daripada tu ahhh

Saya dak biasa tidur rumah kawan melayu... kalau tidur berambak ayah saya.. ayah saya sklip mata saya tak dok umah, mak saya ahh jadi mangsa.. ngen adik beradik lain dok tapi ngen saya je

Kalau orang Islam buat aktiviti, kita gi ah tolong-tolong orang, sebab rumah saya tu dekat dengan surau Abid... kalau raya kita gi ah jalan tapi syaratnya jangan ayah saya tau .. kalau balik ia marah. Nok bulih gi tu saya corner gi kot jauh sebab kita nak dengar orang cakap hal--hal agama. Kalau kematian, kalau kat kapung kita pergilah yang dekat-sekat sambil-sambil lalu kot belakang. Kalau surau kat umah pernah gi ah, dok kat tangga dengar orang ngaji tapi kita kena perhati ah takut pok kita kelih

Kalau surau kat umah pernah gi ah, dok kat tangga dengar orang ngaji tapi kita kena pehati ah takut pok kita kelih

Kalau sebelum Islam biasa tengok siaran-siaran Islam, mak saya saya memang suka cite Melayu, ada hal orang bang, hal quran.. tapi kalau ayoh saya ada jangan buka sebab dia pun kawan-kawan pun banyok orang Melayu. Mak saya pakai kain, dia dok pakai seluar macam orang Cina



### **Hubungan dengan keluarga asal selepas Muslim**

Kita ngen mok kita baik, sanding pun mak saya gi ayoh saya dok gi ..kalau sanding tu ustazah Fatimah uruskan ikut budaya Melayu. Kalau **Musim Raya Cina**..lepas baik tu saya pergi lah berjalan, umah adik beradik .. makan minum kita tengok kadar-kadar hak kita boleh makan

Adik beradik baik belaka..kalau ia mari umah dia orang fahamlah dia orang biasa gi umah orang Melayu. Kalu gi umah adik kat Kuala Lumpur tak dok masalah gok, dia sedia bilik untuk semayang.

### **Hubungan dengan masyarakat Melayu**

Kalau musim kenduri kendara.. kita tolong hak mana boleh buat, Anak-anak saya kawin guna adab Melayu. Saya banyak wakil ke adik ipar saya . Saya belajar dari situ ah.. adab merisik, meminang.. bersanding .. tapi orang Cina lebih kurang je ngen Melayu budaya nak kawin..ia pun ada merisik gok.. same je. Kalau gotong-royong saya gi..mandi dia upah, anak beranak, waris waras kita gi layan-layan gitu macam akat air..

## **Resp # 09 (Kantonis).**

<b>Nama</b>	Hasmah loh Bt Abdullah ( Loh Ah Mui))
<b>Etnik</b>	Kantonis
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Suri Rumah
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	28 tahun
<b>Alamat</b>	Jalan Panji Alam
<b>Asal</b>	Kuala Terengganu
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	21 /11/2012 (11.00 pagi)
<b>Tempat</b>	Komplek Darul Hidayah, Maidam

### **Faktor memeluk agama Islam?**

Tertarik dengan cara-cara belajar, saya suka belajar .. jadi masuk Islam tu banyak mende yang kita nak belajar. Saya buat bandingan antara Buddha dengan Islam, buat perbandingan sendiri je ah, bila kita fikir bab Tuhan macam mana tuu, jadikan hujan, matahari, malam, bumi sedangkan bangsa kita pada masa tu Tuhan matahari lain, Tuhan air lain, Tuhan rezeki lain ... memang rumah kita ada persembahan.. jadi saya tanya tok kita dia tok leh (tak boleh) jawab ..kena marah lah kita...pandai-pandai sangat lah tanya . Jadi kita fikir- fikir lama.. cukup kita fikir bertahun-tahun jugak lah... mungkin saya dapat hidayah daripada Allah Taala saya lari dari rumah ...memang dok boleh ah sebab mak kita nak bunuh kita .

### **Pandangan terhadap agama Islam**

Saya tengok orang-orang Melayu yang jaga aurat, kena pakai tudung, baju kurung.. saya rasa ada sesuatu yang menarik tentang agama ini.

### **Maklumat awal tentang agama Islam**

Masa tu tengok jiran-jiran, jiran tetangga tu orang Melayu dok tepi rumah kita lepas tu mak kita dok bagi gaul..saya tertarik nombor satu kerana baju kurung ...sangat suka tengok baju kurung dok tahu. Kita orang pakai lain.. orang Melayu pakai lain .. jiran Melayu tu saya kata memang baik ah.. sebab bila mak dok bagi kawan dengan orang Melayu tapi dengan dia tu mak bagi..hantar makanan, tukar makanan pada hari-hari besar.. Kalau hari raya, pergilah sekejab rumah dia.. tapi tok leh nak main dengan anak dia orang lah cuma makan, minum air oren lepas tu baliklah pasal apa mak saya pergi tilik dia kata kita akan lari.. dari pegang situlah dia dok bagi kita kawan dengan orang Melayu.

### **Cabaran memeluk agama Islam**

Cabarannya sangat banyak. Mula saya tak tau nak tuju ke mana, masa tu melancong lah ke negeri Terengganu yang lain semua balik negeri tinggallah saya .. memang saya nak

lari dari rumah tu kan .. masa tu kita tak faham lagi, Islam dengan Melayu, masuk Islam masuk Melayu ork. Masa tu duduk rumah kawan Melayu sementara kemudian kita masuk Islam naik jabat agama ... jumpalah Datuk Mufti.. dia arwah doh.. dia jadikan saya anak angkat dia. Saya pun duduk dengan dia terus, bila dok dengan dia belajarlah agama campur dengan anak-anak dia semua.. kita belajar memang belajar betul-betul.. Dia Arab, saya Cina .. cakap Melayu (ketawa)

Kawan-kawan dari bangsa kita yang kita kenal tinggal kita.. dia dok suka, sebab dia kata kita nii derhaka kepada datuk nenek kita . Walaupun dia dok kenal kita, dia benci kita .. kalau kita ada kesusahan dia kata padam muka sebab awak derhaka kepada mak awak . dia tembak kita macam tuu. Jadi rasa sedihlah kan .. saya kata taka pa lah sebab kita nak agama kan

### **Hubungan Dengan Masyarakat Melayu selepas Muslim.**

Orang Melayu sendiri ada jugak pandang rendah, biasa dia kata kita mualaf .. dia gelarlah kita.. tapi kita tak kisah .. tak apalah nak kata apa pun tak sakit, terima aje lah .

Awal-awal kahwin dengan orang Melayu payah jugak nak terima, pandangan serong orang Melayu, pandang rendahlah .. kalau ada apa dia dok *meeting* dengan kitalah. Dari segi makan minum, saya tok leh nak makan hak orang Melayu buat pada masa tu lah, memang susahlah masa tuu

Masa raya, kita masak cara kitalah.. dia kata mu masak apa ni air saja.. kita rasa hatilah sedangkan kita tak tau makan santan. Jadi dia orang tak makan, jadi kita masak sendiri ah. Penglibatan kenduri-kendara masyarakat Melayu kalau sekarang kalau semua masyarakat buat mende-mende saya terlibatlah.. contohnya saya mengajar anak-anak jiran mengaji al-Quran.. macam kalau orang nak kahwin orang jemput kita mintak hadirilah sebagai bagi sokongan suruh tengok pengantin, nak pergi meminang .. (Ketawa) kita cakap betul macam pantun saya dok pandai.

### **Hubungan Dengan Keluarga dan Masyarakat Asal**

Tak de dah... tak hubung dah.. dah putus terus sebab mak bapak kita dah tak terima , adik beradik pun tak terima. Kalau dengan masyarakat Cina, sekarang ni dah baik dah. Biasa jugak saya kunjung rumah dia, Tahun Baru Cina, makan minum kita jaga-jagalah .. dia orang pun faham..Selain Tahun Baru Cina,, saya ada ikut sambutan kuih bulan.. malam ada pertunjukan tanglung ..kalau dia jemput saya pergi ahh hormati . kita pergi tengoklah... tapi tak makan-makan lah. Kalau dia orang ada kematian, saya pergi tengok sajalah ..kalau orang miskin kita derma sikit ..ucap takziah.. rase sedih..lain pada itu takdelah.

Kalau Sambutan Tahun Baru Cina Makcik saya sambutlah tapi tak lah macam Cina, Cuma makan untuk anak beranak..biasanya buat mee, *steamboat*, nasi goreng Cina. Biasa kita jemput kawan-kawan, Orang -Orang Cina (bukan Muslim).

## **Resp # 10 (Hokkien).**

<b>Nama</b>	Mohd Gan Abdullah (Gan Yee Seng)
<b>Etnik</b>	Hokkien
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	sendiri
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	18 tahun
<b>Alamat</b>	Kampung Kedai Buloh
<b>Asal</b>	Marang
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	21 /11/2012 (10.45 pagi)
<b>Tempat</b>	Komplek Darul Hidayah, Maidam

### **Faktor Memeluk Agama Islam**

Tukar ke Islam ni kerana saya pernah berkawan dengan orang Islam, maknanya pernah bincang hakikat ketuhanan...Saya masuk Islam pada mulanya saya sambut cabaran ... saya ni pantang di cabar.. oleh kerana saya ni kuat dalam Buddha maknanya sekitar kapung saya tu tentang Buddha dia tanya saya ah.. Kemudian kawan saya cabar mende lain kamu berani buat Cuma satu je kamu dok berani , awok dok berani tukar agama, awok dok berani masuk Islam . saya fikir2 kenapa dia cabar macam ni .. saya fikir-fikir lebih kurang dalam Buddha saya tahu lah .. saya fikir-fikir dalam Buddha nit ak dok maksud matlamat Tuhan di mana . Dia sebenarnya agama orang Cina ni.. tak dok agamo.. orang Cina ikut agama Buddha , Cina Cuma begang pada adat je. Saya pernah dudok di tepat sami sebagai hamba sami lah. Dulu saya Saya pasang gaharu, 3 kali sehari.. dalam umah..

### **Maklumat Awal Tentang agama Islam.**

Maklumat Islam biasa dengar dia orang cakap tentang Islam contoh nya sabit tentang ketuhanan, masa tu saya dok cayalah. Saya memang suka bertanya dan suka berteking, walaupun betul saya tak mengaku saya ni salah..Contohnya dia kata kita kena percaya pada Tuhan, tuhan ni ada, kalau betul tuhan ni ada di mana? ‘ Mu kan nya caye (Kamu bukannya percaya) mu semboh tokong kayu’, ‘aku sembah tokong kayu pasal ada bukti ..satu patung..ya mu sembah dinding tu pasal apa..mana tuhanmu’?

Sebelum Islam, saya pernah dengar orang wak tilawah al-Quran tuu..sebab ikut kawan.. kita sorok ..sambil tepuk tangan ..er ya ni sedap (ketawa) okk dengan orang Melayu ahh.

Saya pernah dudok tinggal umah orang Melayu. bila dia orang semayang saya tengok dia buat tapi tak pernah tanya ... pernah pegi tidur umah dia kadang-kadang sapa dua malam ..keluarga dia orang pun baik dengan saya macam keluarga sendiri

Kalau dalam kelas ada mata pelajaran agama saya pernah dengar.. masa tuu saya darjah dua, kalau cikgu tanya fardu ain apa dia saya kata amende yang wajib di ketahui oleh

orang Islam , saya boleh jawab, budak-budak Melayu dok leh jawab. Dulu saya sekolah Melayu .

Waktu kawan saya gi semayang .. saya pernah pergi ikut dudok di luar, kawan-kawan Melayu gi semayang jemaah, semayang Jumaat saya tunggu kat luar ah

Aktiviti gotong royong sebelum Islam, saya pernah ikut gotong-royong, bersih kubur tujuan antaranya nak makan, bila sudah macam-macam bubur caca.

### **Cabaran masuk Islam**

Emm memang banyak... pertamanya kita keluar dari keluarga. Keluarga tak puas jati.. apabila keluarga tak puas hati kita bawa dirilah.. ayah ..waris-waris ayah.. mak mati dah. Ayah saya pernah kata ..kalau lah mu masuk Islam..mu tengoklah orang Cina masuk Islam tuu orang panggil Cina malas. Sebab kalau dulu masuk Islam manyok mende bulih, mintak beras, mintak sedekah .. jadi kalau mu masuk Islam maknanya mu jadi peminta sedekah. Lepas masuk Islam saya dok balik ...pastu saya jupe sorang yang mengetahui dalam ugama Islam, orang kapung saya jugak, orang panggil dia Tok Lebai. Saya Tanya dia sebenarnya masuk Islam ni saya boleh balik dok rumah, sebab sebahagian kata apabila masuk Islam ni terkeluar, putus dengan keluarga.. dia kata dok ... lepas tuu saya balik ah..Lepas balik tuu dia boleh terima dok. Masa tuu saya dok wak cara ahh dia kata apa pun saya wak dok tau je .. jadi balik sekejap-sekejap gitu ah .. maknanya dalam sebulan dua bulan saya balik sekali tengok ayah saya .. selepas saya balik tuu ayah saya kita marah sangat tu tidak lah.. biarlah mu masuk Islam .. mu masuk Islam lah.

### **Hubungan Dengan Melayu Selepas memeluk agama Islam**

Hubungan ngen orang Melayu memang rapatlah, sebelum saya masuk Islam hubungan dengan orang Melayu saya ni memang rapat. Sebelum masuk Islam ni maklumat Islam ni dapat dari mana kata tadi banyak gaul dari orang Melayu.

Saya kahwin dengan orang Melayu, tak dok masalah sebab saya dok lama ngen orang Melayu, Gotong royong ngen orang Melayu saya selalu sokmo doh macam hari kenduri. Kalau hari raya ni maknanya kita pun buat kerjasama .. biasanya dalam keluarga saya saya lah yang masak nasi minyak, nasi ayam saya masak

### **Hubungan dengan keluarga asal**

Mula-mula tu ada renggang skit.i ni macam biasa ah, kalu dia sakit tu saya pergilah melawat. Saya pernah dok semayang umah dia, pasal dia orang pun faham bagi orang Islam ada 5 waktu yang dia kena semayang . Kalau musim Raya Cina saya pernah pergi, dari segi makan minum kita ambiklah air oren, biasanya dia orang tahu mende orang Islam boleh makan. Saya dok buat dah (sambutan Tahun Baru Cina)... dah serasi dengan budaya Melayu.

## Resp # 11 (Foochow).

<b>Nama</b>	Rahimah Lau Abdullah (Nancy Lau )
<b>Etnik</b>	Foochow
<b>Agama Asal</b>	Kristian
<b>Pekerjaan</b>	Sendiri
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	23 tahun
<b>Alamat Asal</b>	Taman Padang Midin Sarawak
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	22 November 2012 (11.00 pagi)
<b>Tempat</b>	Pejabat Darul Fitrah

### **Apakah faktor Anti memeluk agama Islam?**

Sebab nak berkawan dengan orang Islam, saya ada satu kawan, dia ada *problem*, dia mengadu macam mana, saya kawan dia lebih kurang 10 tahun, dia ada masalah so I cakap kita boleh jadi kawan, lepas tu dia kata saya bukan Islam.. so mula-mula kita nak tolong dia kita jadi Islam dululah .. so mula-mula saya pergi pejabat agama saya kata saya mau jadi Islam .. lepas tu, orang kata u betul ke u main-main, I cakap .. betul, lepas tu dia cakap ... saya langsung tak tau nak cakap asyhadualla.. dia cakap..satu saya ikut, dua kali saja... I bawak orang Cina bukan Islam satu, dua kita pergi takde orang Islam ... takde orang tau..lepas tu dia kata nak taruk (letak) nama apa saya taruklah nama Rahimah saya taruk sendiri tak de tanya orang.

Lebih kurang ½ tahun (sembunyikan Islam), saya cerita dia (keluarga) sebab saya nak nikah ahh.. saya punya keluarga papa tidak marah, semua keluarga tak marahlah.. dia kalau papa tak marah, dia adik beradik mana boleh marah sebab kita *Chinese* keuarga kita kena *respect* yang tua... kalau ada apa-apa dia orang akan pegang.. kawan-kawan anti ramai kerja pejabat semua dia gaul dengan macam-macam punya orang.

Kalau dia orang tanya kita orang jawablah. Dia tanya Kristian and Islam, mana satu bagus....sebab saya ilmu sikit je saya tok leh jawab sampai dia orang boleh yakin ...dia Kristian, dia punya Isa masih hidup lagi, kita punyai nabi mana wafat lagi ..so saya tak tau.. lepas itu saya tanya orang laa..nabi Isa *temporary* tarik pergi ke langitkan.. hari kiamat dia turun

### **Bagaimana maklumat awal tentang Islam, sebelum anti masuk Islam?**

Saya tahu dalam Islam hanya takleh makan khinzir sahaja... puasa biasalah.. saya suka pergi orang Islam punya rumah sebab dia orang baik, kalau kita pergi rumah , mak cik-makcik keluar semua makanan dia, saya suka makan apa dia buat... kasi bagi I makan.

**Biasanya** waktu raya..kawan saya banyak orang Islamkan ..kita pergi rumah dia orang dia, mak dia suka ..tak tau dia orang tengok saya macam anak sendiri. Semua, gulai, kek semua dia orang keluar. Saya rasa dia orang *very kind to me* la. Kalau raya saya datang

rumah 53 keluarga satu hari je pagi pukul 8 sampai pukul 5.. sebab kawan atas kawan .. saya jalan kaki bukan ambik kereta, ..kampungkan.

Kalau bersanding saya suka ikut.. pergi makan gulai.. tengok dia bersanding.. kalau kawan-kawan saya bersanding, duduk lama ..mesti tolong sana.. suka, tolong dia sekali.. tolong cuci pinggan, tolong ambik gulai dia orang.

Kalau cuti sekolah aa, kita pergi umah dia..lepas tu kita sama-sama makan, kawan punya mak.. dia ada 2 anak , kalau kita pergi 3, 4 orang dia sukalah pergi makan lepas tu kita buat *sandwich*, kita buat tea, kita buat nasi.

### **Bila kahwin campur bagaimana anti boleh sesuaikan diri?**

Kita tak duduk dengan keluarga dia, dia duduk dengan keluarga saya ..suami saya satu bulan baru balik sekali, kalau tak de cuti satu hari kalau ada cuti 2 hari lah ..dia (suami) tak ada masalah. Makan minum kita buat cuci semua, kita beli set pinggan, kita beli kualiti..kita masak asinglah ..kita tau kan kita cuci bersih-bersih kita boleh pakai, mak saya kalau saya balik tau dia cuci satu hari tau itu periuk, itu pinggan takkan kita nak sakit hati dia pulak.. sebab mak saya hubungan kita rapat

Saya punya keluarga banyak agama. Saya tak buat Krismas, kita buat sambut tahun baru Cina ..adik beradik punya agama dia punya lain-lain.. mak saya *Buddhist*, bapak saya *free thinker*, adik yang *vegy*.

Raya Cina kita join, ayam-ayam, itik-itik ikat siap siap dia tunggu, 10 ekor ayam, 8 ekor itik dia suruh suami saya sembelih... yang khinzir kalau kita balik, papa langsung tidak makan .. kita peti air ada dua, satu untuk simpan itu punya .. satu tak.. waktu makan khinzir.. kalau dia tau saya balik dia cuci abih doh .. dia tak bagi kita tengok.

### **Kalau suami nak semayang macam mana?**

Kita sembahyang semua kat mak punya rumah, kita kemas bilik, kita bersih ... mak tidur sini I sembahyang sebelah mak aje ..sebab kalau tahun baru Cina ramai orang, tak de satu bilik .. mak tak de halangan punya ..adik-adik semua takde cakap apa-apa punya.

Dia tanya saya, saya selalu jawab, dia tanya itu tak boleh makan, arak tak boleh minum bila saya cakap dia orang semua fahamlah ..mula-mula mak saya cakap buat apa kau pakai tudung tak pakai tak boleh ke..I cakap ini hukum Islam, u nak I jadi dosa ke... lepas tu saya ikut dia mana-mana dia kata Ini anak saya.. apasal dia pakai tudung .. dia Islam .. mula-mula dia rasa malu ..lepas tu sekarang dia dah faham dia dah biasa. Kalau kawan-kawan tanya buat apa kau pakai macam tu, buat apa kau pakai macam tu.. saya masih Cina lagi tapi saya Islam.

Kalau kita makan, kita tak boleh kata u tak boleh makan khinzir, kita buat meja dua, satu untuk I dan satu untuk orang lain, Banyak orang boleh makan yang meja I punya, kalau

dia orang nak makan dengan kita dia orang campur dengan kita ..nak buat macam mana kan ...keluarga tak sama agama.

### **Selain menyambut Tahun Baru Cina, Ching Ming macam mana?**

Masa kematian ayah saya, saya ada balik ..kita boleh pakai baju dia, pakai baju putih ..setahu saya kita boleh hormat dia macam ni tapi kita tak boleh sujud ..I tanya banyak ustazlah ...depan saya satu orang Islam saja..nanti orang lain cakap ini orang Islam biadab, yang lain semua Cina.Kalau Ching Ming, saya takut nak balik ah, sebab saya takut buat salah. Kalau dia orang kahwin saya baliklah.

### **Pernah tak anti pergi rumah adik beradik?**

Adik beradik 3 *vegetarian*, sebab apa saya tak boleh pergi .. Kalau sembahyang..no *problem*, I pergi any bilik, I mop bersih I boleh buat sembahyang. Kalau bulan puasa..saya bangun makan, saya puasa dia orang ada tanya „saya kasi taulah macam nii2..Dia tanya u tahan ke.. I kata kalau u sudah niat, kita tahan lah tapi kalau u memang tak niat u tak tahanlah...mak saya mula-mula kesian lah ke saya ..satu hari sampai pukul 7 baru nak makan... kalau kita sudah biasa.. tak de ape cakap sama dia...ada adik-adik ikut... dia nak puasakan dia nak *try*..ada dia boleh satu minggu, sahur pun dia bangun lepas tu tunggu bukak puasa ...ialah, dia rasa seronoklah kalau u bole rasa lapar, saya pun bole tahan, dia ingat macam tuu bukan dia tahu tentang agama ada pahala.

### **Hubungan dengan Keluarga dan Masyarakat Melayu**

5 tahun saya tak pernah tengok keluarga dia.. I kata kat dia, kalau I tak kenal u punya mak, u punya adik beradik tak pe... sebab u punya anak nak kenal atuk dia, dia punya Mak Long dia. Lepas 5 tahun tuu. Saya cakap kat dia (suami).. dia malulah.. sebab dia keluarga tak de mende, saya orang bekerja, mak dia rumah pun takde, tumpang orang ..saya kata saya kita jadi satu keluarga kita tak ada pernah tanya U kaya ke ...lepas tu kita balik carilah mak dia.. mak dia memang ambik saya macam anak dia, tapi adik beradik dia tak boleh ambik saya.

Dia memang tengok saya memang lain macam, dia orang tengok banyak cemburu.. dia tengok kita *happy* je. Sana banyak orang miskinlah .. dia tengok kita boleh pakai, pergi jalan sebab kita kerjakan. Dekat Terengganu saya ramai kawan-kawan Cina je, Melayu tak banyak .. orang Melayu saya hantar anak mengaji anak kat kampung ..makcik-makcik baiklah dengan saya.. saya tengok anak saya mengaji duduk di situ barulah saya balik.

Kalau di sini, macam kenduri kahwin ada gii, saya tolong macam kawan-kawan dia aje..saya selalu panggil untuk meminang, hantar ke rumah pengantin baru, bawak hantaran. Macam makanan orang Melayu yang santan-santan and rempah-rempah anti tak berapa, tapi anti adalah tolong-tolong dia orang.



## Hubungan Dengan Masyarakat Cina

Memang hubungan saya baik, bila dia orang ada mati saya ziarah..sebab saya tinggal di kawasan Cina. Kalau sambutan Tahun Cina, I buat, sebab ramai kawan I Cina, hari pertama biasa aje kasi air, kasi kuih je nak pergi *visiting* aje...saya pun pegi *visiting* semua dia orang punya rumah. Kalau dalam Terengganulah dia orang semua order orang Islam masak nasi dagang, sate sebab ramai kawan-kawan dia orang Melayu, lepas tu dia pakai bekas polistiren, sudu plastik . So kalau kita tak pergi macam mana nak kawan dengan orang Cina . Deepavali saya pergi juga, saya beli ayam kasi dia (kawan India).

Kalau Hari Raya saya buat juga, tapi orang Cina datang ahh yang taman semua ah. Hari Raya Haji tak buat ah. I buat biasa aje mee hon goreng, mee kari, atau buat soya dia orang datang makanlah.

Kadang dia orang tanya tak tentang Islam, dia orang tanya kita orang bagi tau. Kalau dia tanya buat apa U buat macam nii kita cakap kita kasi dia fahamlah. Kalau Terengganu, Cina lebih pandai daripada kita..Cuma dia orang tak dapat hidayah je..saya ada kawan, anak dia Islam jugak, dia marah anak dia, dia marah minantu dia, dia datang saya dia nangis2 ..I cakap buat apa u nangis, dia kata anak saya lelaki jadi Islam, anak lelaki jadi Islam *that mean* dia tak ada keturunan lah I cakap...u salah faham.. dia Cina, agama je Islam, dia masih u punya anak lagi, bangsa tokleh tukar..dia Islam, raya Cina dia balik..tiap-tiap bulan dia kasi 500Rm ... I cakap u ada anak macam tuu sudah Alhamdulillah ..kalau u jadi Islam, dia tak mau balik rumah itu lainlah ..Lepas tuu sekarang dia selalu pergi anaknya punya rumah, menantu jadi baik.. dulu satu hari pun dia tak mau pergi..Kuala Lumpur kan dia duduk Terengganu..sekarang dia duduk satu bulan dah ..Lepas tu menantu dia baliklah menantu tak nak duduk dengan mak mertua dia, *husband* dia duduk dengan mak mertua dia, dia duduk dengan *relative* dia..macam mana boleh macam tu ..lepas tuu saya dakwah dia punya menantu ..I cakap u kahwin dengan anak dia, kalau u takde mak mertua u tak de u punya *husband* dari mana ..so hormat punya *husband so u must* hormat u punya mak mertua ...sekarang mak mertua u bukan Islam.. u kena baik dengan dia.. u kena baik dengan dia mungkin satu hari..terbuka hati dia jadi Islam... mak dia rasa *hurt*..kita Cina, menantu mesti hormat mak mertua.

Hubungan dengan keluarga saya tak ada masalah punya cuma keluarga dia (suami), ..suami saya sakit masa hospital dia orang satu orang tak ada satu orang pun datang ..adik beradik dia 10 orang tau bukan 1, 2 orang tau ..Dia pergi kawan punya rumah ..dia tak pernah datang kita punya rumah tau. Saya rasa apa punya saya salah..saya hormat dia .. saya balik kampung pergi cari adik-beradik dia, satu jam kita bawok pergi rumah adik beradik dia ... dia orang macam tuulah salam-salam... balik dia orang ada kasi kuih-muih adalah .. suami I sakit, kita orang susah nak bawak kereta .. langsung tak pergi, dia orang tak cari kita ..lepas tuu *next year* lah kita orang tak mau balik kampung nak tengok dia orang rindu kita tak. Tak dok

## Resp # 12 (Hokkien).

<b>Nama</b>	Nur Zulakha Heng Abdullah (Heng Eng Lay)
<b>Etnik</b>	Hokkien
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Suri Rumah
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	25 tahun
<b>Alamat Asal</b>	Kampung Ladang
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	22 November 2012 (11.30 pagi)
<b>Tempat</b>	Pejabat Darul Fitrah

### **Faktor memeluk agama Islam.**

Saya masuk Islam waktu sekolah, saya dok Kampung Ladang, saya kawan dengan orang Melayu jadi niat tu memang nak masuk Islamlah..belajar senyap-senyap dengan orang Melayu.

### **Macam mana Mak Cik dapat maklumat awal tentang Islam?**

Sewaktu saya sekolah, masa dari sekolah rendah lagi masa tu kalau kelas agama kita nak keluar pun dok apa kalau tak mboh (tidak mahu) keluar pun takpe.. kebanyakan saya dok keluar ah join gok duduk dalam kelas. Kelas kita dalam kelas tuu ada 3 orang je Cina. Kita dok bising, kita dengar jelah n ustaz khabar macam kalau kita dok faham kita tanya kawanlah.

Saya tak keluar kelas, sebab minat.. sebab dulu orang Cina boleh belajar jawi.. ada kelas jawi .. jadi orang Cina pun belajar kelas jawi . Macam kalau kat sekolah rendah dulu tak dok tapi kat sekolah menengah tak ikuti sangat lah praktikal agama Islam.

Kalau program-program kat kampung, dah kita dok kapung Melayu kan, rumah kita depan...belakang tu Melayu belaka, kenal belaka sekampung tuu..memang gi raya dengan kawan-kwan kita hok Melayu tu lah. Yang menariknya kalau gi umah Melayu, dari segi makanan, dapat duit..salam2. Kalau Asyura tu memang sukalah, join jugaklah, kacau Asyura kita gi tadahlah ambik makan ... kadang gi tengok je.

Kalau kematian (Muslim), sebab rumah kita depan kubur je, kalau orang bawak mayat gi kubur kita tengok jelah .. boleh nampaklah.

Bab-bab semayang tanya gok (dengan rakan-rakan Muslim), niat semayang guane.. tapi hok tu dok pernah ikut ahh. Saya pernah tanya dengan kawan-kawan kat kapung gitu saya tanya mandi wajib, niat mandi wajib macam mana, niat puasa, orang puasa. Kalau puasa memang saya buat..kat sekolah kita belajar puasa, kita berpuasa sekali ahh sapai ke buka.. mak pun dok berapa kisah mana sebab mak pun kadang dia kerja rumah

orang kadang-kadang balik tengah hari .. kita pulak masa sekolah dulu dok wape (tidak berapa) makan pagi.

### **Cabaran yang dihadapi setelah memeluk agama Islam.**

Keluarga pada peringkat awal tu memang dok leh (tidak boleh) terima, bila dapat tahu dia memang marah hah, dok bagi kita masuk Islam ..kita nak wak gae memang terbuka dah hati nak masuk Islam. Masa mula-mula masuk Islam tuu duduk umah kawan .. duduk saya dua je..lepas tu balik umah mak ... tapi mak dok tahu gie ahh .. bila dia tahu tu memang dia marah ah. Pastu bila dia marah.. saya duduk situ lagilah..makna gitu ah..tumpang rumah kawan, pastu balik umah ..tapi kalau balik umah memang kena marah ah tapi wak dok tahu jelah ..ayah..adik-beradik, kakak-kakak memang marah hah. Masyarakat Cina memang dia marahlah, pak-pak saudara, mak-mak saudara.

### **Hubungan Dengan Keluarga Asal Sekarang Ni Macam mana?**

Lepas kita kahwin, lepas kita dapat anak, mak boleh terima ..magnya setahun jelah ..sekarang ni mak pun baik, adik beradik, abang, kakak semuanya baik kalau hari raya adik beradik datang penuh ah rumah. Kalau hari raya kita masak ... dia mari tolong ahh. Macam kalau Hari Raya Cina kita gi jalan pulak umah dia. Jalan umah dia, gi umah mak dara, gin gen mak.. dia orang pun tahulah cara-cara Islam. Bila raya Cina dia orang order makanan pun dengan orang Melayu gok, makan dalam *polystrine* .

Saya jarang pergi rumah adik beradik, jalan umah mak biasa ahh.. mak pun tak pe masak.. saya kalau balik pun dok berapa makan.. dok tidur umah mak..sebab mak duduk sini je.. dekat Sekolah Rendah Sultan Sulaiman Satu.

Mak saya pernah tanya wak pe pakai tudung dok panas ke, dok kata ..memanglah kena pakai ..kita dah Islam, aurat kita ..mula-mula kita doh faham gok ..lama tu dia ok ah.

Kalau kematian, ada pak saudara kita mati, masa tu doh mak adik beradik dia 3 orang aje, tad dok orang nak menguruskan, pak saudara pulak bujang .. jadi masa tu mak telefon kitalah.. dan suami pun terlibat samalah ..dia mati kat hospital, kita ambik kita bawak terus ke tepat bakar di Kelantan ..kita bawak pergi sana.

Macam aktiviti orang Cina seperti tarian naga tu tengok ah kalau dia jemput kita, kita pergi;ah ..kadang buat kat rumah mak.. kadang buat kak flak dia duduk ..adalah ½ jam kadang-kadang sejam .. terlibat sebagai penonton jelah. Tapi kawan kita yang masuk Islam, anak dia pun main jugak tarian naga .. ada 2, 3 orang jugak orang Cina yang Islam anak dia tu terlibat dalam tarian naga .. Cuma kita jangan ikut jelah yang nyembah-nyembah mintak keselamatan.

## **Hubungan dengan Orang Melayu**

Oklah. Ipar-ipar pun baik belakalah .. mak tua saya ni jenis *open minded*, waris-waris *open minded* gok. Macam ayah saya sendiri memang masuk Islam gok lepas itu dia kahwin dengan orang Melayu.

Kalau umah yang kita kenal tu, jiran kita gi ah gotong royong.. kita tolong potong bawang, siang ayam apa yang hak perlu kita buatlah, kita tengok yang mana tempat kurang tenaga kita gi tempat tuu

Saya ada 4 orang, 3 orang dah kahwin ...macam anak kahwin ikut budaya orang Melayu merisik, meminang.. dok lah pandai sangat, hok nombor tiga je orang mari merisik kan ..macam saya kahwin dulu *simple*.. je akad nikah je..

### **Resp # 13 (Hakka).**

<b>Nama</b>	Halimaton Heng Abdullah (Heng Zee Bui)
<b>Etnik</b>	Hakka
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Guru
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	4 tahun
<b>Alamat Asal</b>	Kampung Jambu Bongkok Dungun
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	25 November 2012 (10.30 pagi)
<b>Tempat</b>	Kompleks Darul Hidayah

### **Pandangan Terhadap Agama Islam**

Saya berkawan dengan orang Melayu sejak kecil, jadi saya tak anti agama dia... saya pegangan agama longgar (Buddha), jadi bila macam tuu saya banyak nak tahu tentang agama Islam sebab saya tengok orang Melayu kuat dalam agama dia.

### **Faktor memeluk agama Islam.**

. Saya dok dekat Kampung Jambu Bongkok, ada 3 *family* je Cina yang lain, berniaga belaka yang lain semua Melayu. Masa dulu kecik-kecik saya belajar sekolah kebangsaan saya belajar ngen budak Melayu ikutlah, zaman dulukan ustaz ajar ramai-ramai ikutlah .. boleh lah masuk sikit2.. bila masuk sikit nak masuk Islam...masa tu kecik lagi tak tau mende lagi sapa sekolah menengah saya kawan dengan budak melayu..sekolah Chung Hwa.. tapi saya kawan dengan orang Melayu sebab masa kecik-kecik saya kawan dengan orang Melayu. Saya dok kawang dengan budak Cina sebab dia cakap Mandarin dan saya dok pandai cakap Mandarin sebab saya sekolah Melayu.

### **Pengalaman awal tentang agama Islam**

Saya baca surat khabar, Utusan Malaysia, saya tengok kolum bab agama sehingga abang saya baca sokmo dia marah saya ..tiap-tiap hari saya beli dan saya baca .. dia kata kamu jangan beli lagi surat khabar ni, kamu kena beli surat khabar bahasa Inggeris. Pengalaman ziarah, saya dululah bergaul dengan budak Melayu dan ziarah rumah dia orang. Ada jugak tengok siaran Islam, saya suka tengok azan, kan azan ada sari kata kadang-kadang baca se se (satu-satu), kalau abang saya tak dok (tidak ada) memang saya buka kalau dia ada saya tutup, dia akan marah-marah kat saya.

Waktu dekat sekolah, masa tu saya darjah satu hingga darjah 6, jadi masa dulukan ustaz suruh baca Quran kan ramai-ramai, saya pun ikut, bila ada ujian jawi ..dok lulus tapi ambik jugok ...ada juga dia soal-soal tapi dok luluslah sebab kita dok belajar di rumah ..ingat-ingat gitu je .Kalau agama ambik gok periksa Cuma lulus dok comel ah dok macam budak Melayu. Join jugak praktikal dia orang macam air sembahyang gitu ahh

Pada bulan puasa..orang Melayu puasa, saya puasa malam je.. saya siang hari saya dok tahan lapar..saya kata lebih baik saya puasa malam sebab malam saya tidur je..maknanya sempena Ramadanlah

Hubungan dengan jiran Melayu. biasalah tanya-tanya khabar, pastu hantar makanan jarang-jaranglah

### **Cabaran setelah memeluk agama Islam.**

Saya ni memang dapat tentangan sampai campur tangan orang politik. Saya masuk tuu tanpa beritahu adik beradik sayalah, mak ayah saya dah meninggal jadi syahadah saya hari Khamis, hari rabu tuu saya tanya kawan saya macam mana nak masuk Islam, *packing* semelah (semualah) mana-mana yang penting, wak masuk dalam kereta, pergi sekolah syahadah dan jangan terus balik. Saya dok beritahu adik beradik, saya takut dia orang menenteng, keluarga saya memang anti Islam ... takut dia menenteng, dia memang menentanglah, dan saya dok bagi tahulah .. dia orang pun risau sebab adik bongsu sebab saya yang *last*. First Time saya gi kat Datin sana, keluarga angkat sana dia kata tempat belajar ..pergilah sekejap saya sana.. sebab keluarga angkat kawal saya sebab dia takut saya di kidnapped

Saya tinggal dengan keluarga angkat tu dekat Pasir Panjang..ustazah, cikgu sekolah saya gok.. nasib baiklah saya bertuahlah dapat pembimbing dia ..maknanya apa tak faham tu saya tanyalah ..Bila keluarga saya tahu keesokan tuu dia cari meratalah. Cari kawan merata2 akhirnya jumpalah saya hari Jumaat.. masa tu saya sakit , takut pun ada, debar pun ada, sebab adik beradik getak dah ..mu masuk Islam, mu kena puasa, mu kena sembahyang, mu kena pakai tudung tok leh (tak boleh) buat apa, macam-macam dia getak, kalau mu masuk Islam mu dok keluar dari Islam..macam-macamlah dia getak saya... saya masa tu sedih, sedih tinggal adik beradik se.. takut adik beradik buang terus saya..jadi banyak mendelah ..siang jugak adik beradik dia cakap gitu.

### **Hubungan dengan keluarga asal**

Pada peringkat awal tiga bulan pertama tuu saya dok baliklah, dia *contact* pun saya dok jawab sebab saya takut dia *toucher* saya. Sekarang ni pun ..dia mulut kata terima tapi hati tidak.. sebab dia memang anti Islam. Saya pernah balik umah saya, cakap biasalah.

Dia (keluarga) dok pernah mari. Baru ni anak kakak saya kahwin, dia kata pesan jangan balik sebab keluarga dia belah suami dia dari negara China datang. Dia kata tak soh datang kan mu malu ..sebab dia hubungan dengan sana kuat lagi. Saya tak baliklah cuma saya kirim duit jelah.

Kalau tahun baru Cina, saya balik umah abang saya dekat jalan pejabat, tapi saya dok makan makanan dia sebab saya rasa was-was makanan dia ..pastu dia marah ahh.. balik dok makan, balik wak mende.. dia marah saya, biasa dia tempah dari orang Melayu saya faham, tapi bekas dia tu saya was-was sudu serba serbi, pinggan. Bekas polistren ada

sebab saya tak lalu nak makan. Sebab keluarga saya memang jenis makan daginglah, Cuma saya minum air sahaja, makan kacang, dan limau. Tiga ni ah yang saya makan, abang saya makan doh, saya tak moh makan nasi saya dok leh nak gi (tak dapat nak menikmati)...dia marah saya.

### **Hubungan dengan masyarakat Melayu.**

Saya cikgukan ..dia orang pun tolong saya belaka..ada sekali abang saya mari kat sekolah, pergi kat sekolah ni cikgu-cikgu Melayu ni pegang n *escord* saya takut *dikidnapped* oleh abang saya ..sebab abang saya kata dah, dia nak ambik sya dan dia nak bawak saya ke Kelantan, nak wok jumpa bomoh siam, dia kata saya ni kena buatan orang ..saya memang tak mau pergi ..pastu akhir sekali dia guna orang politik, dia guna Toh Teng Yau, DUN Bandar, jadi pejabat agama sebagai orang tengah, saya keluarga angkat saya dan keluarga saya. Jawapan saya senang je, saya nak hidup dan mati dalam Islam, jawapan saya, lalu berubah muka adik beradik saya, ada yang menangis ..sebab dia dok sangka saya jawab macam tuu, yang hadir hari lima orang ahh..Adik beradik saya kata saya dipukau, masuk Islam secara paksa.. lepas tu ada jemuan adik beradik saya seme dok makan macam nak boikot, saya toucher2, saya menangis..dia ugut saya kalau mu masuk Islam gok putus adik beradik, *last-last* keluarga angkat saya tarik saya ajok gi makan. Ada kakak saya sorang yang jadi pengetua baik sikit, dia boleh terima sebab pandangan dia luas sikit dia kata tak pa lah, dia sorang je makan yang lain seme lari balik nak marah nya saya jawab macam tuu

Kalau kat sekolah ada tazkirah, kalau budak uzur saya baca tazkirah saya ambik dari keratan akhbar jugak, saya dapat ilmu dari MAIDAM saya ambik jugak keratan dari Utusan Malaysia saya potong saya masuk dalam *drawing paste* pastu saya bacalah. Kalau giliran saya..saya baca situlah. Kalau sambutan hari raya, saya juga akan pergilah umah mak angkat sayalah

## Resp # 15 (Hailam).

<b>Nama</b>	Nor Haslina Bt Abdullah (Chew Lee Ting)
<b>Etnik</b>	Hailam
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Suri Rumah
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	25 tahun
<b>Alamat</b>	Kampung Gong Badak
<b>Asal</b>	Johor
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	25 November 2012 (10.30 pagi)
<b>Tempat</b>	Kompleks Darul Hidayah

### **Faktor memeluk agama Islam**

Masa kat sekolahkan..sekolah pulak orang Melayu nii ada masuk, ada ustaz mari mengajar ..yang peliknya kita suka pergi kelas jawi tak tau kenapa ..orang kata(kawan-kawan Melayu) : “ bukan kelas awak pergilah kelas moral”. Saya tengok orang Islam lain orang Cina lain. Saya duduk di kampung Cina, kita kawan dengan orang Melayu... dia orang suka usik saya nama Lee Ping dia panggil Lempeng.. kawan saya dengan Melayu ramai suka *gather* dengan dia..apa istimewa tak taulah mungkin Allah bagi hidayah jumpa dengan dia (orang Melayu).

### **Pengalaman mengenal Agama Islam**

Kadang-kadang saya tengok dalam TV cerita-cerita orang masuk Islam kan. Cina berlakon tu masuk Islam, eh ko orang masuk Islam macam ni ke? Bila bab azan kenapa dia macam ni, kenapa ada iqamat pulak. Macam majalah saya tengok kolum orang masuk Islam cuma masa tu, tanya betul ke (Tanya pada riri sendiri) saya ni akan jadi orang Islam? Bila saya cerita kepada suami nak jadi Islam, suami pun terkejut dia kata *willing* ke kamu nak jadi orang Islam tapi kakak-kakak marah dah .

Kalau ziarah, rumah kawan-kawan raya adalah, biasanya kita tengok ramai orang datang kalau raya Cina *family day* kita *gather*..macam raya dia orang nii , dia gi kunjung, gi jalan, gi kubur kita tengok.. lepas tu saya tanya kenapa orang raya kita mesti pergi kubur ..kalau orang Cina pantang pergi kubur. Waktu dalam kelas, masa ustaz marilah (ikut serta), sibuk kita nak gi belajar, nak gi belajarlak, “eh u Cina sibuklah u tak payahlah” kawan saya kata, lepas tu kawan saya ada kata, “nak ikut...ikut jelah”..pergilah tengok apa yang dia belajar. Kadang-kadang dia cerita bab nabi tengok orang mengaji.

Pengalaman tinggal bersama ada tapi dia orang tu *more* sosial punya orang tak nampak dia punya Islam...mak dia kalau ada baru dia hormat sikitlah.. orang tua, mak dia ok dengan saya sebab menantu dia pun ramai yang masuk Islam .. tak taulah cara mana hidup dia oranglah kan.



### **Cabaran dihadapi oleh puan setelah memeluk agama Islam.**

Saya tak banyak tentangan. Cuma kawan masa jumpa tu dia (suami Melayu) tanya tak takut ke kena bunuh, kawan masa jumpa *husband* tu, dah kenal masa jumpa *family* sikit masa tuu.. saya kenal dia dekat setahun baru kahwin. Dia bawak saya banyak cara hidup orang Islam macam cara dia orang makan, macam sopan dia lain duduk beradab, dia orang ambik lauk dok macam kita coh ceh (bunyi *chopstick*) suka, memang tertariklah... baju kurung dia pakai suka nak pakai .. masa nak jumpa mak dia baru saya buat dua helai.. masa masuk Islam memang mudah punya tak ada pukul, tak ada halau, abang masa kita sekolah dia pun kawan dengan Melayu.. kakak pun...dia muka macam Melayu .. dia takut sangat saya masuk Islam.. dia dekat London.. masa saya kahwin dia tak ada, dia kata kalau saya ada memang saya bantah habis-habisan tak bagi kamu kahwin dengan orang Islam.. “banyak rumit” dia kata, kena mengajilah kita inilah, boleh jadi gilalah dia marah dia kata kawan dia jadi gila.

### **Hubungan dengan masyarakat Melayu selepas Muslim**

Hubungan dengan jiran ok, kadang-kadang hantar makanan dekat dia orang macam mee goreng, pengat pisang.. *mother in law* pun suka kalau saya masak. Dengan keluarga Melayu pun tak ada masalah ...semua baik, itu saya hairan ..mungkin cara suami ajar saya tata tertib, sopan santun *and then* nak gaduh dengan orang kena fikir jugak jangan terlepas mulut...kalau terlepas mulut *and then* orang tak suka kita ..kalau jumpa tak pernah orang tua marah saya kata mu masuk Islam wak amende.. mu gini-gini, gi kat pasar orang tua kata ooo mek mu masuk Islam ...suka sangat. Yang tu macam anak saudara kahwin, dia ajak kita *join* sama lah .. boleh tengoklah kita belajar cara-cara dia..kita kahwin anak sendiri pun beradat, merisik dan meminang.

Kalau program gotong royong, biasanya tolong masak, sampai siap, kita sendiri pun buat tahlil, semayang hajat kat umah, kalau kenduri kahwin kita tolong hias-hias apa-apa lah, kawan pun pernah panggil jugak. Kalau Aidilfitri, kita stail macam orang Melayulah, buat lontong, buat rendang, ketupat semua ada. Kita macam *first day* tu kita tak buat besar, makan cuma anak beranak je sebab kita nak ziarah masuk kampungkan. *Second day* barulah kita *open* orang datang ziarah . Mula-mula kahwin, kawan-kawan suami ramai Cina datang ziarah, leni kawan anak-anak pulak ramai datang

Macam aktiviti agama saya *join*lah, kalau *family* jemput kita pergi macam kalau dia nak buat tahlil, nak buat semayang hajat. Kalau saudara Cina waktu kenduri anak saya dia orang *attend*. Abang semua datanglah.

Yang tu macam anak saudara kahwin, dia ajak kita *join* sama lah .. boleh tengoklah kita belajar cara-cara dia..kita kahwin anak sendiri pun beradat, merisik dan meminang.

## **Hubungan dengan keluarga dan Masyarakat Asal**

Lepas kahwin saya buat juga aktiviti Cina macam Tahun Baru Cina kita melawat rumah mak, rumah kakak .. makanan mak saya beli luar, sepatutnya tak perlu sebab rumah dia dah bersih tapi mak saya nak hormat saya balik dia beli makanan kat luar. Kadang-kadang keluarga datang duduk sama, kita masak duduk sama ..kalau saya buat puasa, semayang dia dok tanya, dia tengok je .

Kalau keluarga asal meninggal, saya balik, tapi kontroversilah, dia nak kita ikut adat dia ..macam dia keliling, sembah, dia keliling keranda, adik beradik tak dok hal..orang luar yang kepoh, kawan-kawan abang tuu, hampir-hampir nak gaduh. Sampai masa nak pengebumian tuu ..dia kata saya suka sangat sampai tak gi tengok..kita tengok, takkanlah kita nak nangis sampai tak sudahkan.

Kalau dia orang kahwin, kalau dia jemput kita pergilah, dia buat meja khas untuk kita, dia panggil yang *halal food* punyalah dia order.

## **Resp # 16 (Kantonis).**

<b>Nama</b>	Ahmad Arif Lee (Lee Kok Keong)
<b>Etnik</b>	Kantonis
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Kakitangan MAIDAM
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	11 tahun
<b>Alamat Asal</b>	Wakaf Tengah, Setiu Selangor
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	6 Disember 2012 (10.50 pagi)
<b>Tempat</b>	Pejabat Darul Fitrah

### **Apakah faktor En. Arif memeluk agama Islam?**

Saya bekerja dekat Somei di Gong Badak, kebanyakan pekerja kat situ orang Melayu Islam. Jadi setiap hari kita berkawan dengan orang Melayu kan. Jadi pada bulan puasa saya pun turut berpuasa jugak walaupun belum Islam lagi.

### **Bagaimana pandangan En. Arif terhadap agama Islam pada masa itu?**

Pada masa tu saya rasa biasa je selalu bergaul dengan orang Islam .. tak timbullah rasa permusuhan terhadap orang Islam atau agama Islam.

### **Cabaran yang dihadapi setelah memeluk agama Islam.**

Saya masuk Islam tanpa pengetahuan keluarga, dia dok tahu. Setelah saya kahwin, ada pekerja di Somei tu beritahu ayah saya.. jadi ayah saya terkejut.. dia mari dengan mak saya ..dia nak pisahkan saya dengan isteri saya .. bila dapat anak yang pertama.. ibu bapa baik skit hubungan dengan saya

### **Maklumat awal tentang agama Islam?**

Dari tempat kerja tu saya tengok orang Islam berpuasa, lepas tu saya latih diri saya berpuasa ..saya tak tanya pun cuma ikut saja.. Kita berpuasa dari Subuh ke Maghrib, sepanjang hari tuu kita boleh rasa lapar dan dahaga ... masa nak berbuka puasa itulah kita rasa seronok ..Dari puasa itulah saya tertarik untuk masuk Islam. Saya tinggal kat taman yang 90% adalah Cina tetapi jiran saya adalah Melayu, kalau dia keluar kita bertegur sapa, ziarah kalau hari raya kita pergi rumah dia

### **Hubungan Dengan Keluarga Asal**

Lebih kurang ½ tahun baru saya baik dengan mak ayah, tahun kedua saya masuk Islam, saya ziarah keluarga saya, masa saya balik tuu ibu bapa saya kunci pintu tak nak bagi saya keluar..tapi tak tau macam mana dengan pertolongan Allah saya dapat keluar. Waktu tu saya balik sorang je.. mungkin ibu bapa saya nak pisahkan saya dengan isteri saya atau nak murtadkan saya atau nak bomoh saya

Tapi sekarang ni saya setiap tahun pergilah, tidur sana ..kalau nak buat ibadah solat dia tak halang, kalau hari Jumaat nak pergi solat saya tak ada kenderaan nak pergi solat, dia menawarkan kereta , ambik kereta ni pergi solat Jumaat. Setelah saya dapat anak pertama itulah barulah dia terima. Kalau di bulan puasa dia orang tanya jugak, tak lapar ke tak makan dari Subuh ke Maghrib, saya terangkan bahawa puasa bukan sahaja dari makan minum, kita berpuasa dari pendengaran dan penglihatan Kalau tahun Baru Cina, saya makan buah-buahan, pilih-pilih yang mana yang halal... biasanya kita makan di restoran orang Melayulah. Kalau rumah pakcik-pakcik pergi belaka. Orang Melayu taksab sangat kepada imam Syafie, kalau mak hidang makanan yang halal macam kek dalam pinggan dia tak makan. Semasa hari Cina mak ayah datang tidur di rumah selama 2 hari, saya bawa dia di bandar

Hubungan isteri saya dengan mak saya masalah sikit, ibu saya kurang petah bercakap bahasa Melayu.. saya ajar isteri saya belajar Cina dia tak ikut pun.. jadi pergaulan ada masalah sikitlah. Kadang-kadang budaya Melayu dan Cina lain, kalau budaya Cina, menantu datang rumah, dia akan tolong mak mertua tapi isteri saya lain...dia pergi rumah mak mertua dia tak tahu apa nak tolong, mak saya rasa macam ada asing sikit la

### **Hubungan dengan masyarakat Melayu macam mana?**

Setelah saya masuk Islam tuu, saya duduk dengan keluarga angkat.. dia ada tunjuk Islam melalui sembang-sembang, dia selalu sembahyang jemaah. Saya selalu ikut dia

Dekat kampung, saya selalu ikut tahlil, kalau ada kematian, saya biasa pergi surau, kalau orang surau kata ada tahlil kita akan pergilah. Kalau majlis kahwin biasanya jiran-jiran, saudara-saudara isteri kita pergilah, bantu siang daging, pasang khemah. Kalau ceramah tu kuliah maghrib, isyak di masjid Kampung Nanas. Majlis cukur rambut pernah buat. Kalau anak kedua tu buat.. tahulah nak potong

Biasanya tulah kalau masuk Islam, masuk Melayu.. salah faham. Kalau dia kata masuk Islam, masuk Melayu memang saya tentang balik la. Kita Islam bukan milik orang Melayu je kalau kita tengok sejarah orang Islam, orang Cina masuk Islam dulu daripada orang Melayu. Lagi satu, orang Cina kalau masuk Islam, kita sunat, dia kata potong-potong, dia tak faham tuu

Bila saya duduk dengan Melayu saya dah kurang dah terlibat dengan aktiviti kebudayaan Cina, Cuma adalah kalau tauke Somei jemput tahun baru Cina tapi kalau Cina Muslim buat saya pergilah.

## **Resp # 17 (Hokkien).**

<b>Nama</b>	Mohd Azlan Gan (Gan Hock Tong)
<b>Etnik</b>	Hokkien
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Kakitangan MAIDAM
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	25 tahun
<b>Alamat</b>	Serada
<b>Asal</b>	Terengganu
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	6 Disember 2012 (10.00 pagi)
<b>Tempat</b>	Pejabat Darul Fitrah

### **Faktor memeluk agama Islam.**

Faktor yang menyebabkan saya masuk Islam ni kerana pergaulan dalam kalangan masyarakat Melayu, tempat lahir pun di kawasan ramai orang Melayu. Biasalah bergaul dengan orang Melayu, jiran saya dekat sana pun orang Melayu...Cina dok ramai masa tu

### **Pandangan terhadap agama Islam pada masa itu.**

Biasalah bergaul dengan orang Melayu lepas tu, apabila sekolah menengah tu adalah kawan-kawan bagi tau agama Islam ni bagus.. macam nii.. dia cerita tentang kebaikan agama Islamlah.. masa tu kita nak kata anti Islam dok jugak sebab kita dalam agama Buddha tidak belajar agama

### **Maklumat awal tentang agama Islam.**

Cuma pergi kawan dengan orang Melayu, dia cerita tentang kebaikan agama Islam, pernah dengar mereka baca muqaddam alif, ba, ta..pernah belajarlah hak tulah.. belajar secara tidak formal, saya biasa pergi rumah orang Melayu, kadang-kadang makan nasi pun pergi rumah orang Melayu.. bila dia mengaji tu kadang-kadang saya adalah.

### **Cabaran yang dihadapi setelah memeluk agama Islam.**

Keluarga tu biasalah..kalau sebut masuk Islam keluarga bantahlah amat sangatlah termasuk sayalah. Masa tu dalam tempoh sebulan duduk rumah mak lagi lah..hari hari bising, macam-macam, macam pergi bomoh orang ni yang masuk Islam supaya dok masuk Islam dia buat... maknanya masyarakat Cina yang masuk Islam ni, dia pergi cari supaya dok masuk Islam, lain daripada Islam dok apa. Ambik masa jugak lah nak baik dengan keluarga...lepas saya keluar rumah tiga tahun tuu saya baik semula dengan keluarga.

Pengalaman kalau tengok TV program Islam biasanya tengok bahagian mengaji muqaddam yang Datuk Hasan. Belajar kat sekolah kalau cikgu bahasa mandarin dok mari saya dok keluar kelas, dengar ustaz mengajar.

### **Hubungan Dengan Keluarga Asal**

Saya balik, pernah 2004, abang saya meninggal saya balik, saya setakat tengok ajelah upacara dia tu. Kalau tahun baru Cina tu, setiap tahun saya balik rumah mak saya, kalau isteri saya dok balik saya bawak anak-anak saya balik, tidur rumah mak, kalau makan dekat rumah kita tengoklah yang boleh makan kita makanlah macam buah ke, kacang ke, hak ada tanda halal JAKIM kita makanlah. Kadang-kadang abang teman makan bawak saya ke restoran Islam.

### **Aktiviti dengan masyarakat Melayu**

Kita biasa pergi ke surau, dia khabar sekian, sekian ada tahlil, lepas isyak kita pergilah, kalau gotong royong, bersih jalan, kubur-kubur kat surau. Kalau majlis kahwin anak beranak orang rumahlah (isteri). Kalau belah saya, saya join jugalah, anak kakak saya.. saya pergilah. Dengan masyarakat Islam sekeliling, bila dah masuk Islam kita kena pandailah bergaul dengan masyarakat Islam sekeliling dok.

## **Resp # 18 (Hokkien).**

<b>Nama</b>	Aishah Lee Abdullah (Aoyaely li xue yin)
<b>Etnik</b>	Hokkien
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaan</b>	Pelajar
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	2 tahun
<b>Alamat Asal</b>	Kampung Rusila Marang
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	Melaka (Berkahwin dengan orang Terengganu)
<b>Tempat</b>	8 Disember 2012 (5.00 petang)
	Pejabat Darul Fitrah

### **Faktor memeluk agama Islam.**

Pengaruh daripada kawan dan persekitaran, dulu saya duduk kat asrama kan, masa belajar dulu, jadi kat asrama kebanyakannya kawan-kawan berbangsa Melayu.. jadi saya tengok dari situ akhlak mereka tu baik, tutup aurat.. sukalah sebab Islam ni kan dia jagakan, tengok cara sembahyang. Masa tuu saya ambik diploma *nursing* dekat Kajang.

### **Sebelum memeluk Islam, pandangan terhadap agama Islam.**

Saya ok je taklah anti masuk Islam. Jiran-jiran saya kebanyakannya orang Melayu.

### **Maklumat awal tentang agama Islam.**

Macam majalah Al-Islam, saya baca pengalaman masuk Islam lepas tu buku-buku macam soal jawab agama Islam. Adalah yang satu tu menyatakan bila kita masuk Islam kita tak bagi tahu ibu bapa.. maknanya itu bukan derhaka kepada ibu bapa. Saya pun ambil keputusanlah masuk Islam tanpa memberitahu ibu bapa. Dulu saya masuk PLKN, kalau orang Cina dia pergi kelab Buddha, kalau Islam masa maghrib dia pergi Surau, ada sekali saya tak pergi kelab yang Buddha tu saya pun joinlah kawan-kawan yang Melayukan, ia pun pakai tudung pastu tu pergi ke Surau. Kalau raya, biasa makan kuih, kalau raya pertama tu, saya dengan adik beradik semangatlah, siap mandi, pakai baju cantik-cantik pergi rumah jiran-jiran bangsa Melayu lepas tu dengar takbir raya

Kalau ibu bapa tak ada kat rumah, pernahlah dengar azan, tengok sari kata. Lepas tu sukalah tengok cerita-cerita Melayu, cerita-cerita Melayu ada gak unsur-unsur agamakan macam cerita menderhakai kepada ibu bapa, cerita tentang azab. Masa sekolah saya sekolah menengah kebangsaan, pernah dengan kawan, saya masuk kelas agama, lepas tu pernah jugak tanya ustazah tentang agama. Masa kat asrama saya pernah tanya kat *housemate* tentang aurat, masa tu saya tengok peliklah sebab duduk satu rumah dengan orang Islam, kawan dengan orang tapi dia pakai tudung, setiap masa kat rumah dia, saya peliklah..kenapa sebelum nit ak macam ni kan. Dia pun terangkan lah sebab dia kata aurat dia sama dengan lelaki , saya masa tu bukan Muslimkan jadi samalah dia kena tutup jugak, dia tutup yang kepala je, yang lengan tu dia buka

Kalau surau saya pernah duduk kat situ, teman kawan solat lepas itu saya tengoklah dia sembahyang .Sebelum masuk Islam puasa dah, masa mula-mula tu saya puasa sekejap je, masa *second time* tu saya puasa penuh. Sebab saya nak cuba

Ada sekali tu, kawan dia buat kenduri tahlil, dia suruh tolong-tolonglah, jadi dapatlah tahu macam nak uruskan kanduri tuu, sehari sebelum tu, pergi tengoklah. Waktu kenduri kahwin saya tolong kawanlah tolong angkat lauk pauk

### **Cabaran yang dihadapi setelah memeluk agama Islam?**

Ditentanglah oleh ayah, mak adik beradik semua, saya ni anak sulung...yang kedua laki dan bongsu perempuan. Bukan saya yang bagi tau, kawan saya yang bagi tau kat mak saya, saya masuk Islam, dia telefon mak saya .. lepas tu umak saya marah lah.. kebetulan saya ada kat rumah, *time* tu jugaklah saya kena marah, kena pukul dengan ayah, ayah pun merayu suruh tukar balik kepada Buddha.

### **Hubungan dengan keluarga sekarang**

Sekarang masih tak baik lagi, kalau mesej pun memang tak jawablah, kalau jawab memang dia(keluarga) tentang ah.. sekarang kalau saya baik pun dengan mak saudara, tok saudara..pernah lah melawat rumah, masa cutilah. Saya tak pernah balik rumah mak, Cuma tengok melalui rumah jiran, jiran Melayukan, tanya khabar melalui rumah jiran. Macam saudara-saudara lain, saya banyak telefonlah, ada jugak dia orang tanya khabar, yang ok je lah. Kalau lepas itu saya tak adalah ikut program-program Cina, kalau saya pergi belajar dekat PERKIM tuu, kalau dia buat sambutan Tahun Baru, baru saya join.

**Hubungan dengan kawan-kawan Cina** biasanya melalui sms atau *facebook*, dia (kawan-kawan Cina) cakap tak apa itu hak awak kan... teruskan hidup macam biasa.. ada yang jemput saya datang rumah

### **Hubungan Dengan Masyarakat Melayu.**

Macam orang Melayu bagi sokongan, macam jiran Melayu sebelah rumah tuu cakap “masuk Melayu tah bagi tau” ..tapi dia sukalah. Saya kahwin dengan orang Melayu dah setahun, hubungan Alhamdulillah. Lepas Islam, biasanya kalau kenduri, tahlil macam depan rumah ni saya pergilah tolong-tolong potong sayur. Kalau kenduri kahwin saya ada tolong jiran potong sayur, dari situlah saya tengok kerjasama dan budaya. Kalau orang Cina dia lainkan, Orang Cina tak buat kat rumah, dia banyak buat dekat restoran, hotel, jadikan makanan dah tersedia, tak banyak kerjasama..banyak pembaziranlah, kalau orang Melayu dia masak sendiri..dia buka khemah.

Ada jugak saya ikut aktiviti meminang kat sini, saya tolong angkat dulang hantaran bawak ke rumah pengantin. Majlis akikah saya tengok dia buat kat umah ni, dia buat biasa je, biasanya dia cukur habis.



## **Resp # 19 (Hakka).**

<b>Nama</b>	Mohd Alif Naim Cheong
<b>Etnik</b>	Hakka
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Pekerjaaaan</b>	Sendiri
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	12 tahun
<b>Alamat</b>	Marang
<b>Asal</b>	Kuala Lumpur (Berkahwin dengan orang Terengganu)
<b>Tarikh &amp; Masa Temubual</b>	15 Disember 2012 (8.30 petang)
<b>Tempat</b>	Kompleks Darul Hidayah

### **Bila Mengenal Agama Islam**

Sebab masuk Islam saya nak kahwin dengan orang Islam, saya suka perempuan Melayu, dia tak sama dengan Cina. Saya tengok Islam dengan Cina punya agama sama, orang Cina orang Melayu beli nombor jugak, dia pun Islam. Dulu saya sekolah Melayu, Dulu masa darjah satu sampai darjah enam adalah saya ada belajar Jawi, walaupun boleh pilih subjek lain seronok jugak belajar jawi. Bila saya nak kahwin saya sering pergi rumah mak dia (isteri), waktu itu saya tidak Islam lagi. Dia punya mak tak berapa suka sebab saya Cina, dia orang punya rasa kita orang tak jaga dia punya anak laa.

### **Cabaran Memeluk Agama Islam**

Saya tidak ada cabaran masuk Islam, keluarga tidak marah, kita sudah besar kita boleh pilih, mak kata Islam ada baik la, abang pun sudah masuk Islam. Dia sporting la, dia bagi pilih la. Lagi dua adik beradik pergi German

### **Hubungan Dengan Keluarga Asal**

Saya tak ada masalah dengan mak ayah, isteri saya juga tidak ada masalah kalau balik rumah mak saya saya tidur rumah dia ah, kita boleh solat, dia masak baik punya, dia punya kualiti baik punya, berapa tahun dah dia tidak makan babi, kalau tahun baru Cina saya sambut juga, pergi jalan sana rumah adik, rumah sepupu. Kalau bulan puasa, dia suruh kita puasa dia cakap Islam mesti puasa. Kalau datang umah saya, dia tidur tiga hari ...saya ajak dia masuk Islam, dia berat sikit

Kalau tahun baru Cina adalah kita ikut M Aidam, M Aidam ada buatla. Kalau kat rumah saya bawa keluarga celebrate makan luarla

### **Hubungan Dengan Mertua Dan Masyarakat Melayu**

Bila saya sudah kakwin baik sikitla.. bila saya dapat anak hubungan saya bertambah baikla. Bila saudara saya mati (sebelah isteri) saya ada ikut tahlil, kalau gotong royong bersih rumah, kalau kenduri kahwin saya.. kalau meminang saya pergi sajala... tak tau

sangatlah adat orang Melayu, orang Melayu ramai tolong angkat barang, kalau hari raya saya pergi rumah mak mertua. Orang Melayu juga pandang serong, kata macam-macam tak baik. Kalau saya balik, saya kuranglah cakap, Saya ada masalah makan masakan Melayu.. saya tak suka manis, saya mau makan saya masak sendiri, saya tau masak.. anak-anak ikut isteri

## **Resp # 20 (Hokkien).**

<b>Nama</b>	Mohd Sobri Sue win Abdullah ( Sue win )
<b>Etnik</b>	Hokkien
<b>Agama Asal</b>	Buddha
<b>Kerja</b>	Peniaga
<b>Tempoh Memeluk Islam</b>	25 tahun
<b>Alamat</b>	Batu Enam
<b>Asal</b>	Terengganu
<b>Tarikh &amp; Masa Temu bual</b>	15 Disember 2012 (9.30 petang)
<b>Tempat</b>	Kompleks Darul Hidayah

### **Faktor memeluk agama Islam.**

Kalau kiranya masuk Islam lama dah tapi tak ambik iktibar molek, kelas pun baru masuk bulan ni. Kalau ikut saya masuk Islam tahun 1987 tapi dak belajar mana. Masa tuu saya tengok orang bakar mak, mak mati masa saya umur 17/18, pastu jadi gerak, bangun dok cakung (duduk mencangkung), dia letak kayu nii macam nak bakar saphah (sampah) tuu, ia letak keranda, curah minyak gas ..bila saya tanya orang ketakutan tu marilah .. ...kita ni orang Melayu Islam ni, tiga langkah je balik, hidup balik ...ketakutan, ketakutan masuk Islam, tiba-tiba ada mimpi orang pakai baju putih mari tarik tangan ..kalau mu nak masuk Islam, cara nilah molek..lepas tu ia hilang ..lepas tu tanya orang, dia kata mu ikutlah, mu masuklah Islam

### **Bagaimana pandangan En. Sobri terhadap agama Islam pada masa itu?**

Kita tengok moleklah orang Islam kat perayaan, gotong royong

### **Apakah cabaran yang dihadapi oleh En. Sobri setelah memeluk agama Islam?**

Mak ayah tu marah kat kita, bunyi nak tembak kita.. lepas tu 4 tahun saya dok balik, lepas bila aku balik dia dok kenal aku... lama dia check aku, aku bawak jugak ayah angkat aku baru dia rai kat aku, dia sambut moleklah dia dok marah lah ...lepas tu aku ada pitis aku hantar kat dia. Masa dia mati aku pergi, hari raya dia aku pergi , rumah aku terbakar baru ni aku tak leh nak pergi tiba-tiba dia kabor (bagi tahu) ke orang .. dia kata aku mati. Aku tok dang (tak sempat) nak jumpa dia, dia mati. Selepas saya masuk Islam saya berpisah dengan isteri saya lepas tu balik mula, ayah dia marah saya, saya kena marah kerana tidur dekat masjid ujian dengan rumah terbakar, anak hilang.

### **Macam mana En. Sobri dapat maklumat awal tentang agama Islam?**

Kita jadi sami Buddha dalam masa 3 tahun, masuk tuu pakai kain kuning, ikut pada dia ...kita masuk ni nak tolong ibu bapa kita, nak tolong elak api neraka konon-konon dia kata . Makan minum orang hantar, makan pagi sampai pukul 12. Kalau dia hantar kalau dia sentuh kena bagi semula. Cuma malam tak boleh makan tapi minum air, makan

coklat boleh. Kedudukannya takleh kahwin tapi kita percaya kat dia, ada satu dia main tok molek jugak, lepas tu saya Tanya macam mana kita nak percaya sami ni, padahal dia pun buat salah. Sebab orang sembah kita pada hal kita ni makhluk biasa jugak ..saya rasa tak dok makna

### **Pernah tinggal tak dengan orang Islam tak?**

Bila duduk dengan orang Melayu, kita dok Islam lagi, jadi lain rasa tak selesa tapi tengok mereka tu..sedap aje . Kita rasa bersalah, atas sistem yang ada pada kita. Bila dia sembahyang, masa tu saya tanya orang Melayu, apa mende mu sujud atas lantai wak apa, lepas tu dia kata kat aku pulak, mu sembah patung dok tokoh tu, biarlah aku sembah ke lantai pun mende tak dok, lepas tu saya dok negun balik... betul jugak..kalau sembah mende dah ada buat mende .. baik dok soh caya. Guana mu semayang (sembahyang) ni, dia kata kita semayang ni makanannya kita percaya kepada tuhanlah, kemudian dia tanya balik dah mu semayang tak, saya kata dok...

Ayah kita lepas pada tu, dia cari saya lepas tuu pergi jalan rumah Melayu, guana Cikgu Mat nak mayang ke, ooo nak mayang dia suruh ayah saya duduk sekejap, ayah saya faham tapi kekuatan Buddha dia kuat .. macam nyamuk ketika dia dak bahang..kalau dia masuk Islam dia hebat lagi daripada kita.

Kalau kat sekolah saya pernah dengar kelas Ustaz macam bab semayang, saya Tanya kenapa kena semayang, ustaz tu kata kalau nak semayang kena ngucap (syahadah) dulu, bila kita mengucap kita kena diri semayang moleklah

### **Hubungan Dengan Keluarga Asal Macam mana?**

Masa mati saya pergi meliwat, dia suruh kita sembah, saya kata tak bolehlah, mak saudara kita tanya mu tok lehlah mu meliwat je dia orang pun faham gak . Cumanya kalau kita pergi ambik colok tut ak bolehlah Cuma kita pergi rai tengok . Kubur boleh pergi, Cuma jangan ambik tanah yang dia buat sembah

Kalau kita balik rumah tu bila kita buat semayang dia tanyalah guana mu semayang ni, dah kita masuk Islam kita ikut cara Islam lah ..Dia kata mu masuk Islam kot mana-mana pun mu jangan putuslah, mu kena marilah ...masa dulu pun ayah marah pun biarlah yang lepas dah . Dulu ayah ada jugak rasa hati dengan isteri, contohnya Hubungan ayah saya dengan isteri dengan anak-anak kita molek ada

Makan minum tu, apabila dia nak hidang kita wak dolok (berpura-pura) kenyang Cuma kita ambik air kotok air dia kita tak ambiklah ..pasal dia nadah (tadahan air) periuk, pegang gini.. kita tak tau

Kalau hari raya Cina saya baliklah, makan doklah ..biasanya dia tahulah dia fahamlah ..Cuma kita nak makan suruh dia beli air kotak lah. Dia pun dok berasa hati sebab dia pun faham ..Kita pun cakap tok leh ayah, minta maaf bukan tak nak makan ..tapi kita rasa lain

### **Hubungan Dengan Orang Melayu pula?**

Dia hina kita tak dok pitis, saya dok beli kakas emas(barang kemas). Orang puan (perempuan) ni bukan guana bila jumpe adik beradik dia cocohlah (hasut).

Adik beradik pun dok nak mari dan dia hina dia kata mu masuk Islam mu ikut yang sana mu jangan ikut kita.. sampai tak pergi mari. Cuma yang mari pun sepupu kita dua orang, duduk di Cendering sorang duduk dekat pasar raya Sabasun. Dia tanya semasa mu kafir dulu dengan masuk Islam suasana macam mana, saya kata beza jauhlah ..leni (sekarang) kita tau batas.. dosa, pahala ... dulu kita rasa tak tau..leni kita nak buat mende2 kita rasa takut . Buat masa ni kakak duduk di Kuantan mari dah,.

Kalau dalam tahlil, saya siang daging, tolong sama-sama dengan dia tolong masak. Sekarang ni baru ada semayang beriman. Adat orang Melayu.. orang Melayu duduk kampung tak dok masalah jugak kita ikut orang Melayu jugak.

## LAMPIRAN C

**DIALOG KEHIDUPAN** merupakan perbincangan secara spontan antara dua kelompok yang berbeza agama atau budaya yang menyentuh isu-isu yang berkaitan kehidupan seharian manusia. Perbincangan yang mengandungi unsur-unsur agama dilakukan melalui aktiviti bersama seperti sambutan perayaan, menziarahi kematian, gotong royong dan pergaulan. Dengan memahami atau mengetahui perbezaan hidup masyarakat lain yang berbeza agama dan budaya, ianya dapat memupuk hubungan yang lebih harmoni. Justeru, kerjasama daripada pihak tuan/puan amat diperlukan bagi menjayakan penyelidikan ini dengan memenuhi soalan yang dikemukakan **SEIKHLAS** yang mungkin.

**ARAHAN:** Tandakan (  ) pada yang berkenaan sahaja

### BAHAGIAN (A): LATAR BELAKANG RESPONDEN

A. MAKLUMAT RESPONDEN			
1. Jantina			
Lelaki			
Perempuan			
3. Umur Islam		4. Jangka Masa Memeluk Agama	
15- 20 tahun		1-5 tahun	
21-30		6-15 tahun	
31-40		Lebih 15 tahun	
41-50			
51 ke atas			
5. Agama Asal		6. Faktor Memeluk Islam	
Buddha		Petunjuk Dari Allah	
Conficius		Pembacaan	
Taoisme		Pergaulan dengan orang Melayu	
Kristian		Dorongan keluarga	
Hindu		Perkahwinan	
Campuran			
Tiada agama			
7. Maklumat Pekerjaan		8. Taraf Pendidikan	
Bekerja Kerajaan		SPM	
Swasta		STPM/Diploma	
Sendiri		Universiti	
Tidak Bekerja		Lain-Lain. Nyatakan _____	
9. Keturunan Etnik		10 Status Perkahwinan	
Hokkien		Berkahwin Dengan Orang Melayu	
Kantonis		Berkahwin Dengan Bukan Melayu	
Hainan		Belum Berkahwin	
Lain-Lain _____ (Nyatakan)		Duda/Janda	

Sila jawab **SEMUA** soalan pada Bahagian B, C, D dan E dengan menandakan (✓) di dalam kotak yang disediakan berdasarkan skala di bawah

1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

**BAHAGIAN B: KEFAHAMAN TERHADAP HUBUNGAN ANTARA AGAMA (DIALOG KEHIDUPAN)**

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
1	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) merupakan sebahagian daripada perbincangan tentang agama.					
2	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) merupakan perbincangan antara dua pihak yang berbeza agama dan budaya yang menyentuh isu kehidupan harian.					
3	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) merupakan perkongsian aktiviti dari masyarakat yang berbeza agama.					
4	Dialog kehidupan merupakan satu bentuk interaksi yang mengandungi unsur-unsur keagamaan.					
5	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) merupakan perbincangan agama yang membuang masa sahaja.					
6	Tujuan dialog adalah untuk memupuk rasa harmoni dalam masyarakat majmuk.					
7	Tujuan dialog kehidupan (hubungan antara agama) ialah untuk menyamaratakan agama.					
8	Tujuan dialog kehidupan (hubungan antara agama) adalah supaya peserta menukarkan agama.					
9	Sifat kesederhanaan dalam menjalinkan hubungan dengan penganut agama lain adalah penting.					
10	Kebijaksanaan sangat penting dalam hubungan antara agama dan budaya.					
11	Saya menunjukkan contoh-contoh yang baik ketika bertemu dengan rakan/keluarga dari agama/budaya yang lain.					
12	Saya berbincang perbezaan hidup dengan baik					

	dengan masyarakat dari agama/budaya yang lain					
<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>1 STS</b>	<b>2 TS</b>	<b>3 TP</b>	<b>4 S</b>	<b>5 SS</b>
13	Hormat-menghormati adalah asas dalam berbuat baik antara agama.					
14	Agama asal saya mengajar saling kenal mengenal dan menghormati agama orang lain					
15	Hubungan antara budaya amat memerlukan nilai toleransi (tolak ansur).					
16	Agama asal saya menerima dengan baik perbezaan yang ada pada agama lain					
17	Mempelajari budaya masyarakat Muslim bukan merupakan satu kesalahan.					
18	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) menyebabkan saya menghargai perbezaan yang ada pada penganut agama lain.					
19	Masyarakat asal saya mendorong saya agar melakukan hubungan yang baik dengan masyarakat Muslim.					
20	Saya memahami agama orang lain melalui hubungan dengan rakan yang berbeza agama.					
21	Perbincangan dengan rakan yang berbeza agama mampu menghilangkan sifat negatif (contoh prasangka buruk atau emosi).					
22	Kerjasama antara agama boleh membantu menghilangkan salah faham dalam masyarakat.					
23	Hubungan sesama agama dan antara agama dapat menghubungkan ikatan silaturahim (persaudaraan).					
24	Hubungan sesama agama yang baik diperlukan di negeri Terengganu.					
25	Masyarakat Cina Muslim boleh memupuk hubungan yang baik dengan Cina bukan Muslim.					
26	Masyarakat Cina Muslim boleh memupuk hubungan yang baik dengan masyarakat Melayu Muslim.					



**BAHAGIAN (C): PENGAMALAN HUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT MELAYU MUSLIM  
SEBELUM MEMELUK AGAMA ISLAM**

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
1	Saya menghadiri rumah terbuka sambutan hari raya masyarakat Melayu Muslim.					
2	Saya selalu melibatkan diri dalam aktiviti seperti gotong-royong dan kenduri-kendara yang dianjurkan oleh masyarakat Muslim.					
3	Saya mengamalkan dengan baik adat dan budaya masyarakat Melayu Muslim.					
4	Saya sering bertanya budaya kehidupan dan agama masyarakat Melayu Muslim.					
5	Saya terlibat dalam aktiviti agama masyarakat Melayu Muslim di sekolah.					
6	Bergaul dengan rakan berlainan agama dapat memupuk toleransi (tolak ansur) beragama.					
7	Saya dapat memahami akhlak Islam melalui pergaulan dengan rakan Muslim.					
8	Saya sedia berbincang tentang persoalan agama dengan rakan yang berlainan agama.					
9	Saya pernah bertanya rakan-rakan Muslim tentang amalan sembahyangnya.					
10	Saya bersedia membantu rakan berlainan agama dalam urusan seharian.					
11	Keluarga saya tidak mempedulikan penglibatan saya dalam aktiviti keagamaan rakan Muslim.					
12	Saya menjemput jiran, rakan Muslim bagi meraikan Sambutan Tahun Baru Cina					
13	Saya kerap kali menghadiri majlis kematian rakan-rakan yang beragama Islam					
14	Saya pernah bermalam di rumah rakan Muslim					
15	Saya meraikan masyarakat Muslim berpuasa pada bulan Ramadan					
16	Saya menghadiri rumah ibadat bersama rakan Muslim					
17	Masyarakat Muslim meraikan aktiviti yang dianjurkan oleh masyarakat Cina bukan Muslim dengan baik					

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
18	Saya banyak mempelajari agama Islam melalui penglibatan dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim.					
19	Penglibatan dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim membetulkan salah faham saya terhadap agama Islam					
20	Penglibatan saya dalam aktiviti masyarakat Muslim melunturkan (menurunkan) kepercayaan asal saya.					
21	Hubungan saya dengan masyarakat Melayu Muslim mendorong saya memeluk agama Islam.					

**BAHAGIAN (D i) : PENGALAMAN HUBUNGAN SELEPAS MEMELUK AGAMA ISLAM DENGAN MASYARAKAT CINA ASAL (BUKAN MUSLIM)**

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
1	Sewaktu saya belum menganut agama Islam, hubungan saya dengan keluarga adalah sangat baik.					
2	Pada peringkat awal pemelukan Islam, saya berhadapan hubungan yang bermasalah dengan keluarga saya (bukan Muslim).					
3	Saya mengambil tempoh yang lama untuk membina semula hubungan dengan masyarakat/keluarga bukan Muslim.					
4	Hubungan saya dengan masyarakat Cina (Bukan Muslim) pada masa sekarang berada dalam suasana yang baik.					
5	Saya sentiasa menziarahi keluarga saya yang bukan Muslim.					
6	Keluarga saya yang bukan Muslim kerap kali datang menziarahi rumah saya.					
7	Keluarga saya yang bukan Muslim datang bermalam di rumah saya.					
8	Apabila menyambut Hari Raya, keluarga/ rakan bukan Muslim berkunjung ke rumah saya.					
9	Saya masih mengamalkan budaya tradisi asal yang tidak bercanggah dengan Islam.					
10	Saya masih menyambut Tahun Baru Cina bersama-sama keluarga/masyarakat Cina bukan Muslim.					

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>1 STS</b>	<b>2 TS</b>	<b>3 TP</b>	<b>4 S</b>	<b>5 SS</b>
11	Saya masih meraikan tradisi makan bersama sempena Tahun baru Cina dengan keluarga bukan Muslim.					
12	Saya turut meraikan pesta tanglung dan tarian singa semasa sambutan Tahun Baru Cina.					
13	Saya turut menjemput jiran, rakan bukan Muslim bagi meraikan Sambutan Tahun Baru Cina.					
14	Saya menghadiri majlis perkahwinan yang dianjurkan oleh saudara mara saya yang bukan Muslim.					
15	Saya menerangkan amalan dan pengajaran agama Islam kepada rakan/keluarga yang Bukan Muslim.					
16	Keluarga/rakan saya yang bukan Muslim pernah bertanya tentang amalan-amalan yang dilakukan oleh saya.					
17	Saya pernah melaksanakan ibadat Islam di rumah keluarga asal yang bukan Muslim					
18	Perkongsian aktiviti yang mengandungi unsur agama dengan keluarga asal mampu membina perdamaian.					
19	Saya menjadikan perkongsian aktiviti dengan keluarga asal sebagai landasan (salah satu cara) untuk berdakwah.					
20	Saya masih melawat rumah ibadat orang Cina					
21	Saya menghadiri upacara kematian saudara-mara yang bukan Muslim sebagai tanda penghormatan.					
22	Saya masih melibatkan diri dalam Ching Ming bersama keluarga bukan Muslim.					
23	Masyarakat bukan Muslim menunjukkan minat untuk memahami agama Islam.					
24	Salah faham keluarga/rakan bukan Muslim terhadap agama Islam dapat diperbetulkan melalui perkongsian aktiviti.					
25	Masyarakat Cina bukan Muslim menerima perbezaan yang ada dalam masyarakat Cina Muslim dengan baik.					
26.	Masyarakat Cina bukan Muslim bertoleransi terhadap amalan yang dilaksanakan oleh saya.					

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
27.	Perkongsian aktiviti dengan keluarga asal dapat mengendurkan ketegangan.					
28.	Perkongsian aktiviti dengan keluarga asal dapat memupuk keharmonian antara agama.					

**BAHAGIAN (D ii) : PENGALAMAN HUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT MELAYU MUSLIM SELEPAS MEMELUK AGAMA ISLAM.**

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
1	Kehidupan saya banyak dipengaruhi oleh budaya hidup masyarakat Melayu Muslim.					
2	Saya terlibat dalam majlis kenduri yang dianjurkan oleh jiran Melayu Muslim.					
3	Saya mengikuti aktiviti gotong royong, majlis perkahwinan atau kenduri yang dianjurkan oleh masyarakat Melayu Muslim.					
4	Saya tidak merasa selesa melibatkan diri aktiviti bersama masyarakat Melayu Muslim.					
5	Saya berkunjung ke rumah masyarakat Melayu Muslim pada Hari Raya Idil Fitri.					
6	Saya menyambut Hari Raya mengikut tradisi masyarakat Melayu.					
7	Saya melakukan rumah terbuka sempena Hari Raya Idil Fitri dan menjemput rakan/keluarga dari masyarakat Melayu Muslim.					
8	Saya juga menjemput rakan Melayu Muslim bagi meraikan Sambutan Tahun Baru Cina.					
9	Saya mempunyai ramai rakan baru dari bangsa Melayu Muslim setelah memeluk Islam.					
10	Saya juga sering kali berkongsi masalah dengan masyarakat Melayu Muslim.					
11	Saya mempunyai jiran Melayu Muslim yang mengambil berat terhadap diri saya.					
12	Saya sering menghantar makanan ke rumah jiran/rakan Melayu Muslim.					
13	Saya juga menganggotai persatuan /jawatankuasa (seperti Masjid dan Surau) yang melibatkan etnik-etnik yang lain.					

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
14	Saya sering solat berjemaah, mendengar kuliah agama bersama orang Melayu Muslim.					
15	Saya melibatkan diri dalam menguruskan jenazah rakan Melayu Muslim yang meninggal dunia.					
16	Saya mengenal dan mempelajari budaya Melayu Muslim melalui perkongsian aktiviti agama.					
17	Saya mengambil tempoh yang lama untuk membina hubungan dengan masyarakat Melayu Muslim.					
18	Masyarakat Melayu Muslim memahami budaya masyarakat Cina melalui perkongsian aktiviti.					
19	Masyarakat Melayu Muslim menerima perbezaan budaya Cina Muslim.					
20	Hubungan yang baik dengan masyarakat Melayu Muslim dapat merungkaikan (menghilangkan) masalah perbezaan budaya.					

**BAHAGIAN E : FAKTOR PENGLIBATAN & CABARAN DALAM MENJALINKAN HUBUNGAN.**

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
1	Pihak Majlis Agama dan NGO Dakwah menjalankan banyak aktiviti yang dapat menghubungkan silaturahim antara masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Melayu Muslim.					
2	Pihak Majlis Agama dan NGO Dakwah menjalankan banyak aktiviti yang dapat menghubungkan silaturahim antara masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Cina bukan Muslim.					
3	Program yang dianjurkan oleh PERKIM/ NGO dakwah tersebut mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim dan bukan Muslim.					
4	Saya merasakan perkongsian aktiviti dengan masyarakat Muslim yang lain merupakan aktiviti yang kurang berfaedah.					
5	Keikhlasan saya berada tahap yang tinggi mengikuti aktiviti yang dianjurkan.					
6	Penglibatan dalam aktiviti masyarakat Muslim semasa saya bukan Muslim didorong naluri ingin tahu.					

BIL	PERKARA	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS
7	Penglibatan dalam aktiviti masyarakat Cina bukan Muslim semasa saya Muslim didorong oleh semangat cintakan keluarga.					
8	Sebelum Muslim, saya membaca bahan-bahan bacaan tentang agama Islam.					
9	Sebelum Muslim, saya menonton dokumentari tentang agama Islam.					
10.	Perbezaan etnik menjadi halangan melaksanakan hubungan yang baik.					
11.	Suasana politik persekitaran mempengaruhi hubungan antara agama dilaksanakan.					
12.	Salah faham terhadap agama Islam menjadi penghalang hubungan yang baik dapat dijalinkan dengan keluarga.					
13.	Saya dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik ketika berinteraksi.					
14.	Saya menerima tekanan dari masyarakat Cina bukan Muslim setelah saya memeluk agama Islam					
15.	Masyarakat Melayu Muslim memandang rendah kepada saya setelah saya memeluk agama Islam					
16.	Saya merasa selesa tinggal di persekitaran masyarakat Melayu Muslim walaupun saya telah Muslim					
17.	Saya merasa selesa tinggal di persekitaran masyarakat yang bukan Muslim setelah saya Muslim					
18.	Saya merasa tertekan melibatkan diri dalam aktiviti seharian dengan kelompok Melayu Muslim					
19	Saya dapat membezakan antara program agama dan program yang bersifat budaya Melayu					
20.	Saya mengetahui larangan agama semasa melibatkan aktiviti budaya masyarakat asal					
21.	Masyarakat Melayu Muslim memberi sokongan setelah saya Muslim.					

Sekian. Terima Kasih Atas Segala Kerjasama. Semoga bantuan daripada saudara/i dalam menayakan penyelidikan ini akan mendapat kerahmatan daripada Allah Taala.

## **LAMPIRAN D**

### **Pembentangan Kertas Kerja**

“Cabaran Konversi Agama Islam Dalam Kalangan Masyarakat Cina”. Persidangan Agama Dan Masyarakat, 31-1 Nov. 2012 Universiti Malaysia Sabah.

“Masyarakat Cina Dalam Hubungan Intra Etnik Dalam Konteks Konversi Islam di Negeri Terengganu” National Conference on Human Rights in Islam; Issues and Challenges (CHRI2013) 12-13th November 2013. Universiti Islam Antarabangsa.

“Pengalaman Dialog Kehidupan Masyarakat Cina Muslim Dalam Hubungan Antara Agama Dan Budaya” 2012 Seminar Pemikiran Islam III, Universiti Malaya

“Persepsi Komuniti Cina Muslim Terhadap Dialog Kehidupan: Kajian di Pusat Latihan Saudara Baru Negeri Terengganu”. UiTM Kedah

“Peranan Saudara Baru Cina Dalam Pembinaan Hubungan Muslim-Non Muslim Melalui Pendekatan Dialog Kehidupan”. 2014. Regional On Dakwah Conference. UMS-UKM

“Adab Perbezaan Pandangan: Pemuafakatan Muslim - Non Muslim Melalui Pendekatan Dialog Kehidupan.” Seminar Pemikiran Islam IV, 2014. Universiti Malaya.

“A Study On The Factors on Involvement Chinese Converts Within The Dialogue of Life”. International Foundation for Research and Development. 14-15 Feb 2015. Surabaya

### **Jurnal Yang Diterbitkan**

Dialog Agama Vs Dialog Kehidupan: Membina Kefahaman Kehidupan Masyarakat Yang Berbeza Agama. Jurnal Peradaban, Universiti Malaya, Jilid 5: 2012. 1-22.

Kajian Literatur: Dialog Agama Perkongsian Aktiviti Dalam Kalangan Masyarakat Awam Di Malaysia. Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang : ESTEEM Academic Journal. Vol. 9, No. 2 : 39-53

The Correlation 'Dialogue of Life' and Process of Conversion: A Study Within Chinese Converts. Journal of Basic and Applied Scientific Research. 4 (1): 314-320. (ISSN 2090-4304)

Chinese Muslim Converts Experience in the Relationship between Religion and Culture Using the 'Dialogue of Life' Approach. Journal of Basic and Applied Scientific Research, 4(1): 118-127. (ISSN 2090-4304)

Dorongan Pemeluk Agama Islam Dalam Kalangan Komuniti Minoriti Di Sebuah Negeri Majoriti Melayu. Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu. Jil. 2. Bil. 3. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hal. 3- 12. (ISSN2289-1706)

Signifikan Dialog Kehidupan Dalam Arena Wacana Pendidikan Bersama: Pengalaman Komuniti Saudara Baru Cina Terengganu. Jurnal Bitara UPSI Volume 7 2014.

“Bentuk-Bentuk Hubungan Muslim-Non Muslim Selepas Pemeluk Agama: Kajian Dalam Kalangan Mualaf Cina Terengganu.” Jurnal Kemanusiaan – UTM

“A Study on Factors that Encourages Chinese Muslim Community within Dialogue of Life”. JBASR Journal

“Perkaitan Akulturasi Budaya Dan Hubungan Antara Agama: Kajian Terhadap Komuniti Cina Pra Konversi Di Negeri Terengganu” Jurnal Hadhari UKM .

### **Bab Dalam Buku**

Persepsi Komuniti Cina Muslim Terhadap Dialog Kehidupan: Kajian di Pusat Latihan Saudara Baru Negeri Terengganu, UiTM Kedah. Okt 2015

### **Pertandingan Reka Cipta & Inovasi**

Dialog Kehidupan Jalinan Budaya (DKJB). Pingat Gangsa - International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) 11-13 April 2014 UNIMAP.